

“WAHAI orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat. Jika kamu tidak mendapati seorang pun di dalamnya maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin dan jika diberikan kepada kamu : “Baliklah”, maka hendaklah kamu balik. Itu lebih baik bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nur, ayat 27 - 28.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Terus laksanakan amalan berkebajikan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - Bulan Ramadan yang baru sahaja berlalu pergi banyak mengajar dan mendidik jiwa kita menjadi insan yang bertakwa.

Sepanjang 30 hari pada bulan Ramadan, umat Islam berlumba-lumba melaksanakan ibadah sebanyak yang termampu, seperti sembahyang-sembahyang sunat, berzikir, wirid, tadarus Al-Quran, infak, berdo'a, membantu golongan yang memerlukan dan banyak lagi.

Kini dengan ketibaan Syawal, sejauh manakah amalan-amalan kebajikan dan ibadah yang dilakukan dalam bulan Ramadan dapat diteruskan dan adakah momentum berkenaan akan terhenti sebaik sahaja takbir raya bergema atau sebaliknya?

Perkara berkenaan perlu untuk kita renungkan dan sesungguhnya, segala amal kebajikan yang dilaksanakan sepanjang Ramadan menuntut kita untuk sentiasa istiqamah dan konsisten dalam menjalankannya.

Sebagai umat Islam, kita perlu untuk muhasabah diri dengan semangat dan kesungguhan kita dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang Ramadan lalu perlu diteruskan di sepanjang hidup di dunia ini.

>> Muka 10

DPM FC MENANG BERGAYA KE ATAS GUANGXI PINGGUO HALIAO FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan Perlawanan Persahabatan di antara DPM FC menentang Guangxi Pingguo Haliao FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 2 hingga 3)

Semai, pupuk rasa tanggungjawab cintakan alam sekitar

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul
Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Plastik merupakan salah satu ciptaan yang setentunya telah memberikan kesan yang positif dalam merevolusikan pelbagai aspek kehidupan moden seperti kegunaannya dalam perubatan dan kesihatan, pengangkutan, pemakanan dan teknologi maklumat.

Dengan sifatnya yang ringan, tahan lama dan serba boleh dalam memberikan kemudahan dan inovasi, plastik tidak terkecuali mempunyai kesan negatif.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad

Juanda bin Haji Abdul Rashid seterusnya menyatakan sifat ketahanan plastik yang membuatkan ia sangat berguna ini juga menjadikannya hampir mustahil untuk reput secara semula jadi dan boleh mengakibatkan pencemaran ditambah lagi dengan cara plastik dihasilkan, digunakan dan dilupuskan oleh sesetengah pihak yang tidak peka atau kurang berpengetahuan akan kepentingan menjaga alam sekitar, turut memberikan kesan yang negatif.

>> Muka 4

Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Ke-78

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78, Tahun 2024 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) diadakan di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM, hari ini.

>> Muka 5



Berita Utama



ERATKAN silaturahmi, kukuhkan ukhuwah melalui Majlis Rumah Terbuka

Muka 7



PRODUK Sabun Langir hasil belia tempatan

Muka 9



PASUKAN Polis Muara adakan Majlis Aidilfitri

Muka 10



RUMAH Terbuka meriahkan suasana Aidilfitri

Muka 20

DPMM FC menang bergaya ke atas Guangxi Pingguo Haliao FC



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Daudin

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 20 April. - Persahabatan yang berlangsung malam DPMM FC menang bergaya ke atas Guangxi Pingguo Haliao FC dengan keputusan 3 - 1 pada Perlawanan Jaringan gol daripada DPMM FC masing-

KETIBAAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bagi menyaksikan Perlawanan Persahabatan di antara DPMM FC menentang Guangxi Pingguo Haliao FC.

masing dibuat oleh Gabriel Gama, Azwan Ali Rahman dan Miguel Oliveira.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Pada separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun DPMM FC lebih bijak mengatur serangan dan akhirnya berjaya menjaringkan gol pertama menerusi Gabriel Gama seawal minit ke-5.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
April MASIHI	HARI	Syawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	ISNIN	12	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
23	SELASA	13	4.41	4.51	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
24	RABU	14	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
25	KHAMIS	15	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	JUMAAT	16	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
27	SABTU	17	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26	7.38
28	AHAD	18	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	33 26 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajuca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

22 APRIL 2024

Sentiasa jaga kesihatan, keselamatan

KITA masih lagi berada dalam bulan Syawal. Seperti kelaziman, dalam bulan Syawal ini kita akan kunjung-mengunjungi, bermaaf-maafan bagi mengeratkan hubungan. Walau bagaimanapun, dalam masa kita bergembira, kita perlu berwaspada dan berhati-hati. Apatah lagi dalam keadaan cuaca yang tidak menentu dan bencana alam yang kita tidak jangkakan.

Di negara kita, keadaan cuaca yang tidak menentu boleh menghambat perancangan awal kita untuk berhari raya. Ketika ini, negara kita masih mengalami cuaca panas dan ada sebahagian kawasan mengalami cuaca panas luar biasa. Cuaca panas ini boleh memudaratkan jika kita terdedah dalam cuaca tersebut tanpa mengambil sebarang langkah berjaga-jaga. Oleh itu, kita perlu mengikuti langkah-langkah menjaga kesihatan seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan.

Antaranya ialah meminum air secukupnya. Perlu diingat kita perlu minum banyak air putih, bukannya air berkarbonat atau air yang dibancuh kerana jenis minuman seperti ini sangat manis dan boleh mengundang penyakit jika tidak dikawal.

Meminum air yang mencukupi boleh mengelakkan kita daripada dehidrasi. Selain itu, kita perlu menjaga langkah berjaga-jaga untuk kesihatan dan keselamatan semasa musim panas ini. Orang ramai dinasihatkan supaya mengurangkan pengambilan cecair yang mengandungi perkumpulan air kencing seperti minuman berkafein, kopi, teh dan air berkarbonat ketika cuaca panas. Ini kerana, pengambilan minuman berkenaan boleh menyebabkan individu akan kerap membuang air kecil mengakibatkan badan kekurangan cecair.

Bagi membekalkan air yang cukup untuk badan, tidak semestinya hanya minum sehingga dua liter air kosong. Sebaliknya, ia boleh diperoleh daripada pelbagai sumber seperti buah-buahan atau makanan lain. Amalkan pengambilan buah-buahan yang mengandungi banyak air seperti tembikai, betik dan tembikai susu manakala sayur-sayuran yang sesuai adalah seperti tomato, timun dan sawi. Pemakanan yang sihat serta pengambilan air yang mencukupi dapat mengekalkan kesihatan tubuh badan kita.

Dalam pada itu, golongan berumur 50 tahun ke atas dikatakan lebih mudah terdedah kepada dehidrasi kerana faktor umur yang meningkat menyebabkan mereka berasa kurang haus. Oleh itu, pastikan ahli keluarga kita terutama warga emas mendapat bekalan air secukupnya untuk diminum dalam keadaan cuaca panas ketika ini.

Kita setentunya tahu bahawa masalah kekurangan air dalam badan boleh menyebabkan komplikasi yang teruk antaranya strok haba. Selain bekalan air yang mencukupi, pastikan kita berada di tempat yang tidak terkena sinaran matahari terik yang boleh menyebabkan kita dehidrasi.

Selain pengambilan air minum secukupnya, kita juga perlu berhati-hati melakukan pembakaran secara terbuka. Ingatlah cuaca panas sangat berbahaya jika melakukan pembakaran tanpa diawasi. Kelalaian kita boleh mengakibatkan kerugian bahkan kemusnahan yang tidak dijangka. Oleh itu berhati-hatilah, menjaga keselamatan diri, keluarga serta harta benda agar tidak terjadi penyesalan di kemudian hari.

Berhati-hatilah, jaga kesihatan dan keselamatan agar kegembiraan akan berkekalan. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرين قلس سندريرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan adinda-adinda Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama pasukan DPMM FC.

>> Muka 2

Sementara dalam babak kedua perlawanan pula menyaksikan DPMM FC dengan selesa

mengawal permainan dan berjaya menggandakan jaringan gol menerusi Azwan Ali Rahman pada minit ke-46. Manakala pemain sayap

yang berasal dari Portugal, Miguel Oliveira seterusnya berjaya menjaringkan gol ketiga pada minit ke-63 bagi DPMM FC.

Guangxi Pingguo Haliao FC tidak berputus asa dan akhirnya berjaya menjaringkan gol tunggal mereka pada perlawanan berkenaan

menerusi Wang Jingbin pada minit ke-81. Keputusan perlawanan kekal 3 - 1 sehingga ke wisel penamat.



JUGA berangkat menyaksikan perlawanan ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



SEBAHAGIAN aksi Perlawanan Persahabatan di antara DPMM FC menentang Guangxi Pingguo Haliao FC (atas dan kanan). Sementara gambar bawah dan bawah kanan, antara penyokong yang hadir menyaksikan perlawanan.



SEMAI, PUPUK RASA TANGGUNGJAWAB CINTAKAN ALAM SEKITAR

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Jabatan Penerangan

>> Muka 1

"Menurut satu artikel yang dikeluarkan oleh pihak EARTHDAY.ORG, penghasilan bahan plastik telah mencapai lebih daripada 380 juta ton dalam satu tahun dan lebih daripada 500 bilion beg plastik, iaitu satu juta beg dalam satu minit, telah dihasilkan di seluruh dunia pada tahun lepas.

"Ini bermakna penggunaan beg plastik sekali guna masih berleluasa. Daripada jumlah bahan plastik yang dihasilkan, hanya 16 peratus dikitar semula, di mana sebahagian besarnya berakhir di tapak pelupusan sampah, loji pembakaran atau lebih teruk lagi di lautan.

"Walaupun selepas sisa plastik ini hancur, ia akan kekal sebagai mikroplastik dan setiap zarah kecil akan meresap ke setiap relung kehidupan di planet ini," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Bumi 2024 dengan tema 'Planet Vs Plastik' - Planet lawan Plastik : Seruan untuk bertindak.

Seterusnya, Yang Berhormat menjelaskan bahawa tema Sambutan Hari Bumi tahun ini adalah sangat bertepatan dengan keperluan untuk menangani isu global dan nasional perihai plastik. Ia adalah seruan kepada semua individu untuk bersatu dalam penamatan bahan-bahan plastik demi kesihatan manusia dan planet.

Tema tahun ini juga ujar Yang Berhormat menekankan

pengurangan dalam penghasilan bahan plastik global kepada 60 peratus menjelang tahun 2040 bagi mencapai matlamat utama dalam membina masa depan yang bebas plastik untuk generasi yang akan datang.

"Bertemakan 'Planet vs Plastik', Sambutan Hari Bumi 2024 memfokuskan kepada tiga matlamat iaitu Kesedaran dalam Kesihatan (Health Awareness), Permintaan kepada Perubahan (Demand Change) dan Penyelesaian yang Inovatif (Innovative Solutions).

"Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah pun menyedari implikasi penggunaan plastik sekali guna dan seterusnya mengambil langkah-langkah ke arah pengurangannya secara berterusan ke arah mengurangkan penajaan sisa plastik dan pencemaran plastik, sejajar dengan amalan terbaik global iaitu mengikut hierarki pengurusan sisa buangan atau *waste management hierarchy*," jelas Yang Berhormat.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, tambah Yang Berhormat, kita telah menyaksikan pendekatan senegara giat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan daripada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan Pengusaha-pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dalam mempromosikan inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada pengurangan penggunaan barang-barang plastik sekali guna dan dalam masa yang sama

menggalakkan konsep mengguna semula.

Salah satu contoh usaha kolaboratif berkenaan yang dapat kita lihat baru-baru ini ialah pelaksanaan Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik (NPBE+) di Gerai Ramadan Belia di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

"Alhamdulillah, sempena Sambutan Hari Bumi ini juga, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dengan kerjasama Big BWN Project dan Zero Waste Brunei telah mengendalikan Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di Gerai Ramadan Belia sepanjang bulan Ramadan 1445H," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa kempen ini bertujuan untuk menggalakkan para peniaga dan pengunjung untuk beralih kepada gaya hidup yang mampan bagi kepentingan alam sekitar dan generasi-generasi yang akan datang.

"Sepanjang kempen tersebut dijalankan, kita dapat melihat ramai pengunjung membawa beg guna semula mereka apabila membeli juadah penyugkaan. Ini menggambarkan kefahaman dan kesedaran orang ramai tentang kebaikan menggunakan beg guna semula berbanding dengan beg plastik sekali guna.

"Namun, terdapat juga segelintir individu yang masih memilih untuk menggunakan beg plastik sekali guna menyebabkan peniaga kembali menyediakan beg plastik di premis mereka," ujar Yang

Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menekankan komitmen dan sokongan semua pihak termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, pihak pengurusan acara, peniaga-peniaga dan orang awam adalah penting dan perlu diperkuatkan untuk memastikan setiap individu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan inisiatif ini sekali gus menyumbang kepada usaha negara untuk mencapai persekitaran yang lestari sejajar dengan Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, komitmen negara di arena antarabangsa dalam menangani isu plastik turut dititikberatkan dengan penglibatan aktif NBD di dalam 'Intergovernmental Negotiating Committee' yang diberi mandat untuk menggubal satu perjanjian global bagi menangani pencemaran plastik, seperti yang ditetapkan di dalam resolusi 5 / 14 bertarikh 2 Mac 2022 bertajuk : '*End plastic pollution : towards an international legally binding instrument*' yang dihasratkan untuk dimuktamadkan menjelang akhir tahun 2024.

Ini menunjukkan kesungguhan dunia dalam sama-sama berganding bahu untuk mencapai kata sepakat dan jalan penyelesaian bagi masalah plastik yang tidak mengenal sempadan.

"Jika diamati, tema 'Planet vs Plastik' ini bukan sahaja mengenai perlindungan alam sekitar tetapi juga mengenai melindungi diri kita dan generasi yang akan datang. Oleh yang demikian, adalah penting bagi setiap lapisan masyarakat untuk menyemai dan memupuk rasa tanggungjawab dan cintakan alam sekitar seperti yang dituntut



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Bumi 2024.

di dalam agama Islam," jelas Yang Berhormat.

Bagi mengakhiri perutusan, Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk memulakan dengan diri sendiri dengan mengamalkan tabiat-tabiat yang hijau dan mesra alam. Pertimbangkan dengan teliti sama ada mana-mana bahan plastik itu benar-benar diperlukan.

"Sokong perniagaan yang menjual atau menggunakan alternatif yang mesra alam. Didik diri awda dan orang sekeliling awda dengan perkembangan terkini mengenai isu pencemaran dan juga jalan penyelesaian plastik. InsyaAllah, sedikit demi sedikit, kita semua dapat menyumbang secara positif ke arah penjagaan dan pemeliharaan planet kita dari kesan plastik secara menyeluruh, efektif dan berpanjangan melalui pendekatan seluruh negara," ujar Yang Berhormat.

Memetik maksud ayat Surah Al-Qasas, ayat 77, maksudnya, "*Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan*".

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS. Sabtu, 20 April. - Dayang Liyana binti Awang Haji Julay meraih Penghormatan Pertama dalam Peraduan Menulis Novel 2021 - 2022 bersempena Bulan Bahasa 2023. Dengan tajuk novel 'Binti Abdullah', Dayang Liyana membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND8,000.

Penghormatan Kedua disandang oleh Dayang Sosonjan binti Ayunkhan dengan tajuk novel 'Jidar Al-Jannah' yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND5,000 manakala Penghormatan Ketiga milik Awang Muhammad Shah Rezza bin Abdul Aziz@Rekan anak Lagat dengan tajuk novel 'Bila Ombak Berombak' yang membawa pulang hadiah wang tunai BND4,000.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman pada majlis yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), hari ini.

Sementara itu, Dayangku Nur Fatimah binti Pengiran Haji Muhammad Lofti menjuarai Peraduan Menulis Sajak Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024 bagi Kategori 'A' dengan tajuk sajak 'Brunei Darussalamku Sayang'.

Tempat kedua disandang oleh Awang Muhammad Wildan Humaidi bin Hairol Fakhri dengan tajuk sajak 'Pembela Negara' diikuti tempat ketiga ialah Awang Muhammad Luqman Izzu Addin bin

Pemenang peraduan menulis diraikan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri dan kanan).

Haji Abdul Majid dengan tajuk sajak 'Semarak Hari Kebangsaan'.

Bagi Kategori 'B', juara milik Muhd. Hariz Al-Haq bin Nasrul Hakim dengan tajuk sajak 'Patriotisme dan Semangat Bangsa' diikuti tempat kedua ialah Muhammad Darwisy Raffique bin Abdullah dengan tajuk sajak 'Indah Negaraku' dan tempat ketiga ialah Muhammad Nasrielfath bin Najhe dengan tajuk sajak 'Semarak Kemerdekaan'.

Juara masing-masing membawa pulang wang tunai BND200, tempat kedua membawa pulang wang tunai BND150 dan tempat ketiga membawa pulang wang tunai BND100. Kesemua pemenang peraduan juga membawa pulang Sijil Penyertaan dan buku-buku terbitan DBP.

Terdahulu, tetamu kehormat melancarkan sebanyak lapan buah buku terbaharu iaitu sebuah buku umum berjudul 'Semut dan

Gula'; empat buah buku sastera berjudul 'Antologi Cerpen Langkah Ristaan', 'Kumpulan Cerpen Hijrahku Untuk Siapa', 'Kumpulan Cerpen "S.A.b.a.r" pe.ma.jal' dan 'Kumpulan Sajak Kalbu Ingin Menulis'; dua buah buku kanak-kanak berjudul 'Mengenai Warna' dan 'Perjalanan Seekor Beruk Yang Gemuk / The Journey of The Fat Macaque' dan sebuah buku komik berjudul 'Jangan Jadi Pemugut'.

Dengan anjuran DBP melalui Bahagian Sastera dan Majalah dengan kerjasama Bahagian Perancangan Buku, peraduan-peraduan tersebut bertujuan untuk memupuk rasa cinta dan memberikan kesedaran terhadap amalan penggunaan bahasa Melayu, selain mengangkat martabat bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu melalui penulisan kreatif.

Penglibatan orang ramai



khususnya para pencinta bahasa, sastera dan budaya dalam peraduan penulisan karya kreatif merupakan satu landasan terbaik kepada penulis-penulis tempatan dalam semua peringkat umur untuk berkarya.

Karya-karya sastera tempatan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan, kajian, perbincangan, serta menjadi sumber dalam memperteguh kewatanan (jati diri) dan pemanfaatannya sebagai sumber bahan fikir serta sumber bahan kajian sosiobudaya Melayu.

Penulisan karya kreatif merupakan sebuah wacana yang dapat mengangkat sarana memasyarakatkan falsafah negara, Melayu Islam Beraja selaras dengan tujuan peraduan diadakan.

Sementara itu, Peraduan Menulis Sajak Semarak Hari Kebangsaan merupakan usaha DBP untuk mendedahkan serta

mencungkil bakat penulisan sajak dalam kalangan kanak-kanak.

Pendedahan pada peringkat awal usia ini berupaya membina jati diri dan nilai-nilai murni dalam menanamkan mesej positif serta rasa cinta kepada negara, di samping usaha memartabatkan bahasa dan sastera kepada kanak-kanak.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Nolkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Hairani binti Haji Awang Damit; Pemangku Timbalan Pengarah DBP, pengarah-pengarah di bawah KKBS, pengetua dan guru besar, para ibu bapa, penulis dan penggiat sastera tanah air.

Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024



MESYUARAT dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM) (atas), manakala gambar kiri, Pemangku Pegawai DBM dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa sesi bergambar ramai.

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78, Tahun 2024 berkenaan seperti lazimnya membincangkan mengenai pembubaran Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi bagi sambutan tahun lalu dan pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi bagi sambutan perayaan tahun ini, selain menyampaikan laporan post-mortem acara-acara

MESYUARAT Pertama Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78, Tahun 2024 bagi DBM diadakan di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM.

perayaan yang lalu.

Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak dalam ucapannya antara lain berharap agar perancangan dan persiapan bagi setiap majlis atau acara bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilaksanakan dengan penuh kemeriahan dan kegembiraan di samping



menjaga rapi aspek kesihatan, kesejahteraan, keamanan serta keselamatan orang ramai, para peserta dan Ahli-ahli Jawatankuasa. Mesyuarat juga turut

membincangkan cadangan format dan atur cara Majlis Ramah Mesra sambutan perayaan tahun 2024.

Antara yang hadir ialah Yang

Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, DBM; Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan dan Pengerusi-pengerusi Acara Sampingan bagi DBM.



TUTONG, Sabtu, 20 April. - Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Tutong diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini. Mesyuarat tersebut

dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Mesyuarat didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Penghulu Mukim Telisai, Tutong, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Antara agenda mesyuarat tersebut ialah membincangkan mengenai persediaan acara-acara rasmi sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari

MESYUARAT tersebut dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-78 bagi Daerah Tutong, Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Mesyuarat juga membincangkan mengenai cadangan acara-acara sektoral termasuk acara-acara keagamaan, kemasyarakatan dan keamanan serta Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah-sekolah Menengah seluruh negara.

Antara tujuan lain mesyuarat tersebut diadakan adalah bagi melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang Ke-78 bagi Daerah Tutong Tahun 1445H / 2024M.

Hadir sama pada mesyuarat tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-



MESYUARAT Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Tutong.

pegawai kanan Jabatan Kerajaan Cawangan Daerah Tutong, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan

serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Tutong.

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Sabtu, 20 April. - Mesyuarat Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Belait telah diadakan pagi tadi di Dewan Santap, Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait.

Hadir untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad. Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman juga selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann juga selaku Ketua Kampung Bukit Sawat.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Belait.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pegawai Daerah Belait dan seterusnya pembubaran Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang Ke-77 Tahun bagi Daerah Belait Tahun 2023 dan melantik Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Belait.

Awang Haji Amirol Hafidzin dalam ucapan beliau antara lain berharap

supaya Jawatankuasa Sambutan Perayaan yang dimaksudkan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja

Daerah Belait

MESYUARAT dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait dan mesyuarat diadakan di Dewan Santap, Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait (kiri dan bawah).

yang akan dibentuk akan dapat berusaha dengan gigih merancang semua acara-acara agar ia dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Seterusnya beliau menekankan adalah amat penting juga bagi jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk meneliti dengan sebaik-baiknya apa jua teguran, pandangan dan nasihat yang diberikan

bagi memastikan kelancaran, kemeriahan dan kesempurnaan acara-acara pada tahun ini berjalan dengan baik, teratur dan sempurna.

Mesyuarat telah membincangkan mengenai format Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait; kedudukan khemah ramah mesra dan pengurusan pintu-pintu gerbang.

Pada akhir mesyuarat, Pemangku Pegawai Daerah Belait mengharapkan kejayaan dalam menjalankan sambutan perayaan dengan memastikan penyertaan daripada semua lapisan rakyat dan penduduk Daerah Belait tanpa mengabaikan nilai-nilai konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.



Daerah Temburong

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TEMBURONG, Sabtu, 20 April. - Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Temburong berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah,

Pekan Bangar, Temburong.

Hadir mempengerusikan mesyuarat berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; dan Pemangku



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong semasa mempengerusikan mesyuarat berkenaan (atas kiri dan atas kanan).

Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili.

Antara agenda yang dibincangkan di dalam permesyuaratan berkenaan ialah penerangan mengenai acara perayaan peringkat kebangsaan

dan format keberangkatan; melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Temburong; dan Pengerusi-pengerusi Majlis Ramah Mesra Bersama

Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong; serta Pengerusi-pengerusi Acara Keraian Daerah Temburong bagi Tahun 2024.

Agenda kemudian diteruskan lagi dengan penerangan mengenai dengan format Persembahan Khas pada tahun ini.

ERATKAN SILATURAHIM, KUKUHKAN UKHUWAH MELALUI MAJLIS RUMAH TERBUKA

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April . - Kemeriahan Syawal masih lagi dirasakan dengan pelbagai pihak terus meraikannya dalam suasana penuh meriah dan harmoni.

Dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Syawal ini, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara menganjurkan Sambutan Majlis Rumah Terbuka PKWE sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi bagi kalangan ahli-ahlinya

bertempat di pusat berkenaan baru-baru ini.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr.

Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh; Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Hairani binti Haji Awang Damit; pegawai dan kakitangan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM); Pusat Promosi Kesihatan; dan DBP.

Juga hadir, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Nurhayana

Janis binti Abdullah Lim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Md. Ghafar bin Haji Menudin.

Dalam majlis berkenaan, para tetamu juga turut disajikan dengan pelbagai hidangan juadah yang enak dan menyelerakan.

Rumah Terbuka bukan sekadar untuk menghidangkan pelbagai jenis hidangan namun

ia dapat mengumpulkan serta merapatkan lagi hubungan kekeluargaan mahupun sesama saudara kerana amalan Rumah Terbuka menjadi platform kepada mengukuhkan lagi hubungan silaturahim sesama insan.

Syawal yang disambut selama sebulan memberi peluang untuk kita ziarah-menziarahi, mengukuhkan ukhuwah sambil bermaaf-maafan atas segala salah dan silap.



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS semasa hadir pada Sambutan Majlis Rumah Terbuka PKWE sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Pilih jenis kenderaan transmisi ikut kesesuaian



KERETA jenis automatik dan manual mempunyai fungsi yang sama iaitu menggerakkan ke hadapan atau belakang akan tetapi kenderaan transmisi manual memerlukan sedikit kemahiran untuk dikendalikan (atas dan atas kanan).


Berita dan Foto : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 21 April. - Kebanyakan pemandu baharu di luar sana apabila lulus mendapatkan Lesen Memandu, mungkin mereka sudah ada yang membuat keputusan untuk memilih jenis kenderaan transmisi automatik atau manual.

Ia tergantung kepada keselesaan pemandu baharu untuk mengendalikannya. Adapun kereta jenis automatik dan manual mempunyai fungsi yang sama iaitu menggerakkan ke hadapan atau belakang akan tetapi kenderaan

transmisi manual memerlukan sedikit kemahiran untuk dikendalikan. Pelita Brunei menemu bual salah seorang pemandu yang baru sahaja mendapat Lesen Memandu iaitu Dayang Farhanah binti Muhammad Noor yang berusia 21 tahun dari Kampung Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang.

“Semasa mengambil Lesen L, saya belajar kereta transmisi manual dan selepas lulus dan mendapat Lesen Memandu, saya berasa lebih selesa dan yakin untuk mengendalikan kereta transmisi



manual.

“Jika memandu kereta transmisi automatik pula, mungkin saya perlu belajar daripada ahli keluarga saya yang telah lama memandu kereta transmisi automatik dan mungkin juga ia akan mengambil masa yang lama untuk saya memahami dan menambah sedikit keyakinan bagi mengendalikan kereta transmisi berkenaan,” ujarnya.

Tambahnya lagi, oleh kerana lebih selesa dan yakin mengendalikan kereta transmisi manual, beliau menyuruh kedua ibu bapanya untuk membelikannya kereta transmisi manual sahaja.



TATACARA MENGHADIRI

UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAK OLEH PENGAWAL KESELAMATAN.



KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN. HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.



3 BAGIYANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHAK URUS SETIA PEJABAT SPA MELALUI TALIAN PERHUBUNGAN SPA



+673 7371961 query@spa.gov.bn

4 HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DI TINGKAT 1 TERLEBIH DAHULU.



5 PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.



6 HADIR PADA TARIKH DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.



7 MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.



8 TERUS BEREDAR SETELAH SELESA BERURUSAN.



Eratkan silaturahmi sempena Hari Raya



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya bergambar ramai (atas dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



BERAKAS, Sabtu, 20 April. - Jawatankuasa Takmir, Pegawai-pegawai Masjid Kawasan Zon 4 dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara malam tadi mengadakan Majlis Silaturahmi dan Ramah Mesra bersempena Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 2024M / 1445H berlangsung di Tokyo Hall, The Airport Mall.

Lebih 100 Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid, Kumpulan Muslimah Masjid, belia-

beliawanis masjid serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) hadir menyertai acara berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri. Juga hadir, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Asminan bin Haji Chuchu.

Dalam ucapannya, Ketua Pemantau Kawasan Zon 4, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Mohammad Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar selaku Pengerusi Majlis berkata, majlis tersebut antara lain dihasrat akan dapat mempererat hubungan silaturahmi dalam kalangan warga masjid yang terlibat, terdiri daripada pegawai-pegawai masjid, AJK Takmir, para belia-

dan beliawanis serta pihak-pihak berkepentingan (stakeholder) seperti MPMK, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara.

Menurutnya, perhimpunan ini merupakan kali kedua dilaksanakan dan skopnya diperluaskan bukan sahaja dibukakan kepada kumpulan-kumpulan Muslimah masjid bahkan juga telah dilaratkan

kepada Majlis Perundingan Kampung (MPK), Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Semua ini tambahnya bertujuan untuk mencapai matlamat iaitu bagi mewujudkan ikatan silaturahmi (*bond*) dalam kalangan semua pihak. Majlis pada malam itu turut diserikan dengan persembahan Lagu Hari Raya daripada AJK sambutan serta cabutan nama bertuah.

PENUTUPAN SEMENTARA SEPARUH JALAN SEBAHAGIAN LEBUHRAYA LUMUT-BELAIT



PENUTUPAN sementara separuh jalan di sebahagian Lebuhraya Lumut-Belait antara KM 8.7 hingga KM 4.0 (hala Belait).

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan di sebahagian Lebuhraya Lumut-Belait antara KM 8.7

hingga KM 4.0 (hala Belait).

Penutupan berkenaan akan mula dilaksanakan pada Isnin, 22 April hingga Ahad, 28 April 2024 mulai jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang (tertakluk keadaan cuaca). Sebab penutupan adalah bagi kerja-kerja melapis semula aspal jalan raya.

Sehubungan itu, pihak jabatan

ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan dinasihatkan untuk mematuhi papan tanda arahan jalan raya serta had kelajuan yang telah ditetapkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook JKR, Brunei Darussalam dan e-mel pro@pwd.gov.bn.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki
Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppk.gov.bn

PELUANG SERTAI KURSUS REKA BENTUK 3D / CANVA

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Infografik : Pusat Pembangunan Belia

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 April. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) mengadakan Program Artisan Skills : Kursus Perisian Reka Bentuk 3D / Canva yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 14 dan 15 Mei ini.

Program tersebut akan diadakan di Pusat Belia, Daerah Temburong bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Tarikh akhir permohonan bagi mengikuti kursus berkenaan ialah pada Sabtu, 11 Mei 2024.

Menurut PPB, penyertaan kursus tersebut dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam; berumur 17 hingga 55 tahun; sihat tubuh badan; mempunyai minat dan komitmen yang mendalam

terhadap kursus yang dipohonkan.

Selain itu, kursus tersebut juga menyasarkan keutamaan diberikan kepada pemohon yang belum pernah mengikuti kursus komuniti anjuran PPB dan mempunyai komputer riba sendiri.

Sebarang makluman boleh menghubungi menerusi talian +673 2393681/2 atau +673 8883130 atau layari media sosial PPB di Facebook *PPB* atau Instagram *@pusat_pembangunan_belia*.

Program Artisan Skills
Kursus Perisian Reka Bentuk 3D / Canva

Syarat Penyertaan:

- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
- Berumur 17 - 55 tahun;
- Sihat tubuh badan;
- Mempunyai minat dan komitmen yang mendalam terhadap kursus yang dipohonkan;
- Keutamaan diberikan kepada pemohon yang belum pernah mengikuti kursus komuniti anjuran PPB; dan
- Mempunyai komputer riba sendiri.

Tarikh & Tempat:

- 14 (Selasa) & 15 (Rabu) Mei 2024
- 9.00 pagi hingga 4.00 petang
- Pusat Belia, Daerah Temburong

TARIKH AKHIR PERMOHONAN: HARI SABTU, 11 MEI 2024

Pusat Pembangunan Belia | pusat_pembangunan_belia | 2393681 / 2/8883130

Produk Sabun Langir hasil belia tempatan



AWANG Muhd. Danial bin Jasmee@Muhd. Izz Naqiuddin dari Kampung Kuala Tutong mencipta produk yang bersumberkan langir sebagai bahan utama dan kemudian dijadikan kepada Sabun Langir Biasa dan Sabun Langir Scrub.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Muhd. Danial Jasmee@Muhd. Izz Naqiuddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 April. - Cetusan idea untuk mencipta produk sendiri menerusi Projek Kursus Universiti Brunei Darussalam (UBD) iaitu Industri Tradisi Brunei, mahasiswa berusia 26 tahun, merancang untuk menjadikan hasil produk ciptaannya itu ke pasaran tempatan.

Jasmee@Muhd. Izz Naqiuddin dari Kampung Kuala Tutong yang kini sedang belajar dalam jurusan Akademi Pengajian Brunei itu telah mencipta produk yang bersumberkan langir sebagai bahan utama dan kemudian dijadikan kepada Sabun Langir Biasa dan Sabun Langir Scrub.

Awang Muhd. Danial bin Perbezaan antara dua sabun

tersebut adalah Sabun Scrub ini terdapat kandungannya seperti span natural iaitu Sabut Loofah atau dikenali sebagai Sabut Petola. Setakat ini katanya, beliau memberikan nama *brand*nya sendiri iaitu Suci Tradisi Kitani dan berharap ia dapat dilanjutkan selepas menamatkan program pembelajaran nanti.

Setelah teretusnya idea untuk menghasilkan produk sabun bersumberkan bahan alami seperti langir, beliau telah membuat penyelidikan dari segi cara-cara pembuatan daripada media sosial selain mendapatkan sumber informasi daripada pedagang di tamu.

Selain itu, tambahnya, beliau juga menemui mentor yang sudah berpengalaman dalam menghasilkan produk sabun dan kemudian diberikan tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan mengenai penghasilan sabun.

"Dari segi bahan percubaan, saya telah menggunakan sabun biasa yang dijual di kedai dan belajar cara-cara untuk mencairkannya yang sesuai dan memasukkannya kepada *mold*, menggunakan pelbagai bahan seperti Minyak Kelapa Chekku (lain daripada Minyak Kelapa Dara) pelbagai cara untuk mengisar kayu langir

supaya keluar essensanya dan jua melihat *mold* yang telah digunakan untuk membentuk sabun tersebut," katanya.

Melalui ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada seorang mentor, Awang Muhd. Danial seterusnya mendapati bahawa produk langir ini kurang digunai walaupun kegunaannya sangat bagus untuk kulit. Dan dengan bantuan mentornya akhirnya dapat juga dihasilkan sabun yang jarang sekali diperbuat daripada campuran bahan langir.

"Buat masa kini belum ada perancangan rapi untuk memperkembangkan hasil produk Sabun Langir ini akan tetapi insyaaAllah setelah ia berkembang dan mendapat sambutan menggalakkan, akan cuba menembusi pasaran yang lebih meluas lagi pada masa akan datang nanti," ujarnya lagi.

Sebagai fasa permulaan, produk yang dihasilkannya pada awal tahun ini dibuat secara dari rumah sahaja buat sementara waktu. Menyentuh mengenai dengan bahan pula, Awang Muhd. Danial menjelaskan, sabun yang dihasilkannya adalah sumber kualiti yang premium dan bagus seperti bahan-bahan *extra virgin coconut oil*, kayu langir, pati *extract* dari Lavender.

Setentunya kelebihan sabun berkenaan tambahnya, bagus digunakan bukan sahaja kepada badan sahaja malah seluruh anggota lain termasuk rambut dan muka yang berfungsi melembut dan memutihkan kulit. Selain bantuan daripada mentornya, sokongan keluarga dan sahabat juga banyak memberikan moral semangat dan pendapat yang membina.

"Alhamdulillah syukur dipanjatkan kerana pada masa pertama pembukaan penjualan ini. Saya merasa amat bangga kerana orang yang pertama dalam membeli sabun ini adalah pelancong dari Australia dan beliau sangat suka dengan baunya dan seterusnya ada para pengunjung juga membeli kerana kewangian semula jadi dari *extract* Lavender," tambahnya lagi.

Selain menggunakan media sosial seperti Instagram dan Facebook, beliau juga mempromosikan produk sabunya dengan mengikuti ekspo dan pasar Ramadan sebelum ini.

Harapannya akan datang ialah untuk terus sentiasa bersabar dan jangan sesekali berputus asa untuk mencapai impian dan keinginan terutama sekali dalam memberikan manfaat dan kebaikan kepada orang lain selain akan memperbaiki setiap kekurangan ke arah menjadi yang lebih baik lagi.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1. **iklan jawatan kosong** | **Kalendar saya** | **kedudukan permohonan** | **aduan saya**

2. **Status Permohonan Kerja**

Bahagian	Status	Akhir Perse
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
A	PROSES PERAKUAN	00
IV	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
W	TIDAK HADIR	00
I	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
IV	PEMOHON DITERIMA	00

3. **Ujian** | **Temu Duga**

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PASUKAN POLIS MUARA ADAKAN MAJLIS AIDILFITRI



PASUKAN Polis Muara semasa mengadakan Majlis Aidilfitri bersama Majlis Perundingan Kampung dan Biro Wanita Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Muara

MENTIRI, Sabtu, 20 April. - Pasukan Polis Muara mengadakan Majlis Aidilfitri bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri, pagi tadi.

Hadir pada majlis berkenaan, Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, C/Insp Muhamad Izzat bin Haji Ramle; dan Pemangku Ketua Kampung RPN Kawasan II Kampung Mentiri, Awang Haji Mohd. Nizam bin Haji Julaihi.

Majlis berkenaan merupakan Program Polis Balai Muara dalam melaksanakan pendekatan bersama MPK dan penduduk kampung.

Majlis berkenaan juga merupakan peluang terbaik bagi kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pandangan dan perancangan mengenai aktiviti-aktiviti yang diatur bersama dengan Pasukan Polis Kejiranan dan MPK di kawasan berkenaan.

Terus melaksanakan amalan berkebajikan



DALAM keghairahan kita meraikan Aidilfitri ini, janganlah kita lupa untuk terus melakukan amal ibadah dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dan sempurna secara istiqamah untuk menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

>> Muka 1

Kedatangan Syawal merupakan bulan kemenangan umat Islam setelah berjaya melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Namun dalam keghairahan kita meraikan Aidilfitri ini, janganlah kita lupa untuk terus melakukan

amal ibadah dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dan sempurna secara istiqamah untuk menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, apa juga amal ibadah yang kita kerjakan pada

bulan Ramadan itu hendaklah diteruskan dan diamalkan pada bulan-bulan yang lain untuk kita terus berusaha meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Janganlah amalan-amalan berkenaan hanya dilakukan secara berkala dan bermusim

tetapi eloklah dilakukan secara istiqamah atau berterusan.

Adapun dalam kita beristiqamah, walaupun dengan amalan yang sedikit tetapi berterusan adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali-sekala.

Perlu diingat, berlalunya bulan

Ramadan bukan bererti apa yang kita lakukan pada bulan berkenaan juga turut berakhir dan terhenti.

Mudah-mudahan segala ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditidakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



⚠ Sila **sahkan** bahawa maklumat di dalam profil adalah **lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses.**



سرور کرمي

مهر کاي دان منشکوري نعمت آير

ترداقت قلبا کي جارا دان اوسها يڄ بوليه کيت لاکوکن دالم ممنفعتکن نعمت آير، انتاران اياه، سباکي ايو باف کيت هندقله منديديق اُنق-اُنق سدري مريک ماسيه کچيل يايِت برمولا دري رومه اونتوق تيدق مبادير آير. اين مرغکومي روتين هارين کيت سقرتي مبروس کيکي دان مندي. کيت جوک هاروسله منجادي جوتوه دان ساليغ منکور اهل کلوارک دالم مغمالکن طبعه بايک دان بتول دالم فُکُونان آير سقرتي تيدق مبادير کيکي فايث آير تربوک دان مغالير دسينکي کيتک سداغ مبادير قرياقن هيدغن جواده اونتوق کلوارک. مغکوناکن تگکي تادهن اونتوق ميسمن آير هوجن جوک اداله انتارا ALTERNATIF لاین دالم فنجيمين آير. آير هوجن بوليه دکوناکن اونتوق ميسرام فوکوق بوغا، مبرسيهکن کاوسن رومه، لوغکغ، کاراج دان ساومقما.

سباکي رعيت دان فُکُونان يڄ برتغوڄجواب، کيت هندقله سنتياس ممتاو فُکُونان آير ملالوئي بيل-بيل آير دان منجسکن دالم تيمشوه يڄ ديرين تراوتام جک اد بيل-بيل يڄ برتغوڄجواب اونتوق مغبالقکن اي منجادي بين اونتوق کيت دکمودين هاري. جاديله فُکُونان يڄ فريهتين دغن ملافورکن کُفد فيهق يڄ برواجب جک برتغوڄجواب کيوچون فايث آير کراجان دتقي-تقي جالن. کيت جوک هندقله سکرا مباديرکي فايث آير جک اد کيوچون درومه-رومه فرسنديرين.

جک کيت مندافني سبارغ اکتويي منجوريکاکن سقرتي فُکُونان آير ملالوئي فلي آير بوميا تنفا سبارغ کينون دري فيهق برکواس، مک هندقله دلافورکن کُفد فيهق برکنان، دالم مغهادي کسولين سقرتي آير ککونيغن دان فوتوفن آير سمنتارا، کيت هندقله برصر سرتا مبري کفريجان کُفد اجينسي کراجان اونتوق ملقسنانکن توکس، ايلقکنله دري ميسارکن برينا يڄ تيدق صحيح دمي مبوليهکن فيهق يڄ برکنان اونتوق منجالنکن کرجا-کرجا فُکُونان دغن لنجر، جقت دان جکف.

جماعه يڄ درحمي الله، سسوغکوهن آير ساغت برهرک دان دقروکن اونتوق کيهدون سهارين کيت، سباکي فُکُونان کيت هندقله مغمالکن صفة برجيمت-جرمت دالم مغکوناکن. اوليه يڄ دمکين، ماريله کيت مغکوناکن آير دغن مئیکوت قدر کقروان سهاج. اين سجارا تيدق لغسوغ اکن داقت مغورغکن فربلنجان کراجان اونتوق مبرسيه، مراوات دان مبيکلکن آير اونتوق کيت کوناکن ستياف هاري. دسمقيغ ايت، ماريله کيت منشکوري دان مهرکاي سکل نعمت يڄ تله دکورنياکن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سام-سامله کيت بردعاء موده-مودهن نعمت ترسيوت اکن برکالان دان تروس کيت نعمتي. آمين يا رَبَّ العالمين.

{ سورة الواقعة آية: ٦٨-٧٠ }

تفسير:

تيدقکه کامو قراهتيکن آير يڄ کامو مينوم؟ ادکه کامو يڄ منورونکن دري اوان (سباکي هوجن) اتاو کامي يڄ منورونکن؟ کالو کامي مغندي کامي منجاديکن اي ماسين مک مغافکه کامو تيدق برشکور؟

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْحَقِّ التَّائِبِينَ.

جماعه يڄ درحمي الله،

برتقوي له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغکنکن کلیمان کُفد. سسوغکوهن اورغ يڄ فاليغ مليا دسيبي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياه اورغ يڄ فاليغ برتقوي. موده-مودهن کيت منجادي انسان يڄ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله کجيان دان کسلامتن دنيا دان جوک داخيره.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة ابراهيم آية ٣٤:

تفسير:

دان دي تله مغورنياکن کُفد کامو سکل اف يڄ کامو فوهونکن کُفد، دان جک کامو مغهيتوغ نعمت الله تنتوله کامو تيدق ترکيرا باقن. سسوغکوهن مانسي ايت ساغت ظاليم لاکي ساغت کوفور.

جماعه يڄ درحمي الله،

سباکي هميا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، کيت هندقله سنتياس منشکوري دان مهرکاي سکل نعمت يڄ تله دکورنياکن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کُفد کيت دنيا اين. انتارا نعمت ترسيب يڄ دکورنياکن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اداله آير. آير مروفاکن سومير کيهدون يڄ فاليغ برهرک دان منجادي اساس کيهدون کُفد سما مخلوق يڄ هيدون دومي اين. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة النحل آية ١٠:

تفسير:

دياله يڄ منورونکن آير (هوجن) دري لاغيت اونتوق کامو، سباکين منجادي مينومن کامو دان سباکين (ميوورکن) توموه-توموهن يڄ فدن کامو مغبالاکن ترناکن کامو.

جماعه يڄ درحمي الله،

الحمد لله، کيت دنکارا بروني دارالسلام دان اومت اسلام دسلوره دنيا سداغ ميموت بولن شوال يايِت هاري کمنغن باکي اومت اسلام ستله سبولن منونين عبادت فواس. مک فد کيباسانن ديولن کمنغن اين، اکن منيغکنله فُکُونان آير دکالغن کيت جوتوهن انتوق مباديرکي جواده هيدغن باکي سانق سودارا، مبرسيهکن قرالغن دافور، مبرسيه بيلق، فراوت-فراوت دان جوک اونتوق منجوجي فکان يڄ بايق لبه دري هاري-هاري بياس سرتا مبرسيهکن کندران دان ميسرام بوغا-بوغان.

والوباکیمانقون، کيت سباکي اومت اسلام جاغلله لالاي دري ملقسنانکن فُکُونان جواب دان جوک امانه ترهادف کموداهن آير اين يايِت مغکوناکن دان ممنفعتکن سومير آير يڄ اد دغن جارا برهيمت دالم فُکُونان آير سرتا مغايلقکن دري فمبدين، کيت جوک فولو منجاک کترسيديان آير اکر ماسيه داقت دنعمتي اوليه جتراسي اکن داتغ.

جماعه يڄ درحمي الله،

ألغکه برتواه دان برأونتوغن کيت داقت منعمتي سما کموداهن يڄ دسدياکن دان ديرين دنکارا اين. جوبا کيت کنگ دان بايغکن سودارا اسلام کيت دقلسطين يڄ تيدق داقت منعمتي دان مرياکن هاري راي عيدالفطري دمان فاسيلتي کصيحتن، قهوبوغن، سومير ماکن، بهکن سومير آير دسکت. مک ماريله کيت مرياکن شوال اين دغن برقد-فد سميل ايغت-مغايغاتي مسام سنديري اونتوق منشکوري دان ممنفعتکن رزقي سرتا نعمت يڄ دانوکرهکن.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَّى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذُنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعث بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Tawaran Bagi Ruang Kedai No. 1,
Dewan Kemasyarakatan
Kampung Pandan Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:-
JDB / BMP / 5.1 / O

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Mei 2024,
jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Syarikat-Syarikat Yang Berkenaan

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin, 29 April 2024

Tarikh Tutup :
Rabu, 8 Mei 2024, 2.00 Petang

Bil. Tawaran :
KHEDN / 5 / 1.0 / 1-2024

Tajuk Projek :
Tawaran Sebut Harga Bagi
Pembekalan Cenderamata Berupa
Barangan Anak Damit Bagi Majlis
Kesyukuran Dan Penyampaian
Cenderamata Kepada Anak-Anak
Damit Yang Lahir 15 Julai 2024
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-78 Tahun
Bagi Tahun 2024

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)



Tawaran adalah dipelawa
dari Pemborong - Pemborong
yang berdaftar di Kementerian
Pembangunan dalam Kelas III
sahaja dan Kategori Kerja S02
bagi:

Nama Projek :
Three (3) Years Term Contract For
General Maintenance Works At
RPN Kg. Bukit Beruang,
Tutong District,
Negara Brunei Darussalam.

Bil. Projek :
JKP / 01 / 2024

Tender Information Pack boleh
dipohonkan dan didapati dengan
menghantar e-mail kepada tender.
jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin, 22 April 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Mei 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil,



Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :
BND50.00 [Tidak dikembalikan]

**Yuran E-Dokumen / [Yuran
E-Dokumen & Lukisan]**
BND5.00
[Tidak dikembalikan]

**Waktu Pembayaran Yuran
Tawaran dan Yuran E-Dokumen:**
Pembayaran melalui One Common
Billing System (OCBS).

Pembayaran melalui kaunter :
Isnin - Khamis :
8.00 Pagi - 3.00 Petang

Sabtu :
8.00 Pagi - 10.00 Pagi



Jemputan Untuk Memberi
Tawaran

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 059 / 2023

Tajuk Tawaran:
Consultancy Services for
Reinforcement Of 11KV / 415V For
Kampung Ayer Phase 1

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
'Tender Box'
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil



Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Rujukan dan
Tajuk Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2024 / MED /
TA / 01
Pembelian PLB3240 Polio Vaccine

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian



Borang Tawaran adalah **seminggu**
sebelum tarikh tutup tawaran iaitu
Selasa, 14 Mei 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
21 Mei 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPH / 003 / TAW / 383 / 2024-2025
Memelihara Canopy Walkway Dan
Jambatan Gantung Keruing Di
Taman Negara Ulu Temburong

Kelayakan :
Dibukakan kepada penender-
penender yang berdaftar di
Kementerian Pembangunan dalam
Kelas II ke atas dan Sub-Kategori
KPB08 Kerja-Kerja *Prestressing*
dan *Post-Tensioning*

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Borang Tawaran:
BND15.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
2 Mei 2024 (Khamis),
Jam 2.30 Petang.



Tawaran adalah dipelawa dari
Pemborong - Pemborong yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan dalam Kelas III
sahaja dan Kategori Kerja S02
bagi:

Nama Projek:
Three (3) Years Term Contract For
General Maintenance Works At
RPN / STKRJ Kg Lugu In
Brunei-Muara District, Negara
Brunei Darussalam.

Bil. Projek:
JKP / 02 / 2024

Tender Information Pack boleh
dipohonkan dan didapati dengan
menghantar e-mel kepada
tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin, 22 April 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
7 Mei 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil,



Pemberitahuan Tawaran
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tawaran Bagi;
Penyediaan Bekalan Elektrik Bagi
Tapak Ternakan Udang 26 Hektar,
Sungai Paku, Daerah Tutong

Bilangan Tawaran :
JPI / 02 / 2024

**Tarikh Mula Mengambil Borang
Tawaran:**
22 April 2024

**Tarikh Akhir Mengambil Borang
Tawaran:**
27 April 2024

Tarikh Tutup:
28 Mei 2024

Jam Tutup:
2.00 Petang



Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :
BND50.00
[Tidak dikembalikan]

**Yuran E-Dokumen /
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]**
BND5.00
[Tidak dikembalikan]

**Waktu Pembayaran Yuran
Tawaran dan
Yuran E-Dokumen:**
Pembayaran melalui One
Common Billing System (OCBS).

Pembayaran Melalui Kaunter :
Isnin - Khamis :
8.00 Pagi - 3.00 Petang

Sabtu :
8.00 Pagi - 10.00 Pagi



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 010 / 2024

Nama Projek :
Menaik Taraf Jalan Singap,
Bukit Sawat Belait

No. Projek :
2023ADKB / KEW-07

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 30 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mei 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 006 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Elektrikal
Bagi Pejabat-Pejabat Kerajaan
Di Daerah Belait
Bagi Tempoh Tiga Puluh
Enam (36) Bulan

No. Projek :
2024ADKB / B00405 / 003001-002

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 30 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mei 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 007 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Elektrikal
Bagi Perumahan Kerajaan
Di Daerah Belait
Bagi Tempoh Tiga Puluh
Enam (36) Bulan

No. Projek :
2024ADKB / B00405 / 003001-001

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 30 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mei 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah
Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No.:
BM / MRS / P012A / P012A0134 /
02-2024

Kes Mal Bilangan :
BM / MRS / MAL-B / MAL-B /
S009A / 0026 / 01-2024

Antara

Nur Hidaayah binti Awang Tan
Iskandar Jukarmine
- Plaintiff

Dan

Muhammad Aidil Fachri Ginting
- Defendan

Kepada : Muhammad Aidil
Fachri Ginting, No. Kad Pintar:
51-487619 (Defendan yang
dinamakan di atas) alamat
terakhir Unit 1-12, Blok A, Lot 4334,
Simpang 34, Bangunan SKH,
Jalan Jerudong, Sengkurong.

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan
Muara pada Selasa, 28 Syawal
1445H bersamaan 7 Mei 2024M
pada jam 2.15 Petang untuk
menjawab tuntutan terhadap kamu
oleh plaintiff yang dinamakan diatas,
bagi Tuntutan Cerai Ta'liq.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengar dan
memutuskan kes tanpa kehadiran
kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingin membela diri terhadap
tuntutan tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
23 Syaaban 1445H
/ 4 Mac 2024M

Meterai

Ditandatangani secara digital
oleh Mohd Faidzal bin Haji
Wahab
Mahkamah-Mahkamah Syariah
Negara Brunei Darussalam

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan Microsoft Word
dengan Font ARIAL saiz 12 dan Rang
Iklan tersebut MESTILAH dihantar
menggunakan BAHASA MELAYU
SAHAJA.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Kenyataan Tawaran

Tajuk Tawaran :
Tawaran Selama Tiga (3) Tahun
Bagi Pembekal Pakaian
Seragam Penghulu Mukim,
Ketua Kampung Dan
Ketua Rumah Panjang

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 24 April 2024,
Jam 2.00 Petang



TAWARAN
UNTUK BERNIAGA
DI PETAK JUALAN DI PUSAT
PASARAN, PUSAT URUSNIAGA
HORTIKULTUR RIMBA, GADONG

Bilangan :
05 / 2024

Tawaran bagi mempelawa
pengusaha-pengusaha untuk
menghadapkan permohonan
bagi menyewa di Petak Jualan
seperti berikut :-

Lokasi :
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Pondok:
B12

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan



penjualan tanaman hiasan,
semaian serta barang-barang
input pertanian yang berkaitan

Tempoh iklan :
3 minggu

Tarikh mula iklan :
Isnin, 15 April 2024

Tarikh berakhir iklan :
Sabtu,
4 Mei 2024

Tarikh akhir menghantar :
Sabtu,
11 Mei 2024
Sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang :
BND1.00 / borang

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123



جوالن ساليينن كمبير ديكيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

PEKA DENGAN KESELAMATAN TRANSAKSI KEWANGAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 April. - Kemudahan internet adalah antara aksesibiliti penting yang sering diguna pakai oleh para pengguna terutama dalam menjadikan urusan transaksi kewangan atau perbankan mereka lebih mudah.

Kaedah transaksi kewangan atau perbankan dalam talian menjadi pilihan terutama apabila ingin membuat tempahan awal ketika ingin bercuti bersama keluarga melibatkan penginapan, tiket kapal terbang, perbankan, *online shopping* dan banyak lagi.

Kerana ia boleh dilakukan di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa dan dengan menggunakan pelbagai peranti mudah alih seperti *smart phones*, *tablets*, komputer dan pelbagai jenis elektronik digital.

Namun isu mengenai keselamatan transaksi kewangan kini menjadi tumpuan orang

ramai dan turut menjadi perhatian pelbagai agensi penguat kuasa dan perbankan yang menasihatkan orang ramai agar mengambil langkah-langkah keselamatan semasa melakukan transaksi kewangan secara talian



AMPUAN Md Yusri Sabri bin Ampuan Hussin.

terutamanya untuk urusan perbankan.

Bagaimanapun, menjalankan transaksi perbankan dalam talian perlu menitikberatkan beberapa langkah keselamatan agar tidak 'terkena' dengan manipulasi *scammer* yang semakin berleluasa hari ini.

Dalam temu bual Pelita Brunei, Awang Shahreza bin Shahri berpendapat dengan mengadakan jerayawara daripada pelbagai agensi yang berkepentingan di negara ini adalah penting dalam meningkatkan lagi kepekaan bagi orang ramai tentang keselamatan transaksi kewangan.

"Dan apa yang pihak bank perlu lakukan sekarang adalah bergerak ke arah positif ke arah keselamatan perbankan yang optimum," ujarnya.

Sementara Ampuan Md Yusri Sabri bin Ampuan Hussin menyarankan para pengguna *online banking* agar memastikan peranti mereka tidak mudah digodam atau mempunyai ciri-ciri keselamatan

yang boleh dikesan semula jika ada berlaku perkara seperti kehilangan duit yang bukan disebabkan oleh pemegang akaun.

"Analisis dan kaji sebarang aktiviti yang mencurigakan supaya dapat mengesan awal sebelum sesuatu perkara itu berlaku," terangnya.

Pihak-pihak berkuasa di negara ini juga turut mengeluarkan atau menghebahkan beberapa peringatan mengenai keselamatan transaksi kewangan ini melalui siaran berita, iklan di radio, siaran akhbar, poster juga melalui pelbagai media sosial semata-mata bagi mengingatkan orang ramai untuk sentiasa mengambil langkah-langkah waspada dan saling beringat.

Antara langkah keselamatan yang perlu diambil perhatian ialah

untuk sentiasa memastikan bahawa alamat sesawang (URL) perbankan atau agensi-agensi tertentu yang ingin awda berurusan adalah betul dan sah (legit).

Di samping itu, pastikan juga maklumat log masuk dan kata laluan anda dirahsiakan dan tingkatkan tahap kesukaran kata laluan awda, selain itu juga terdapat dua faktor pengesahan bagi memastikan keselamatan akaun awda tidak terjejas seperti dengan adanya kod pengesahan transaksi melalui Sistem P e s a n a n Ringkas (SMS).



AWANG Shahreza bin Shahri.

>> Muka 19

Rumah Terbuka tambah kemeriahahan Hari Raya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ihsan Raimi Rashid, Pg. Abdul Aziz Pg. Haji Md. Tahir

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 April. - Hari Raya Aidilfitri setiap tahun disambut meriah oleh umat Islam seluruh dunia terutamanya masyarakat Islam di negara ini dengan tradisi ziarah-menziarahi dan acara Rumah Terbuka.

Amalan Rumah Terbuka sempena Aidilfitri ini bukan hanya sekadar meraikan tetamu yang datang dengan hidangan yang disediakan, malah secara tidak langsung ia mengukuhkan silaturahmi yang jauh mahupun dekat dalam kalangan ahli keluarga, saudara mara, jiran dan sahabat handai.

Jemputan-jemputan untuk menghadiri Rumah Terbuka juga banyak diterima terutamanya selepas waktu bekerja atau pada hujung minggu, sehinggakan dalam sehari ada kalanya sehingga lebih lima buah rumah terbuka untuk dikunjungi dari pagi hinggalah ke malam.

Namun demikian, menganjurkan Rumah Terbuka bukanlah satu

kewajipan atau satu tuntutan di sisi agama. Kita menganjurkan mengikut kemampuan masing-masing kerana apa yang lebih baik ialah konsep ziarah-menziarahi untuk mengukuhkan hubungan dan saling bermaaf-maafan.

Pengiran Abdul Aziz bin Pengiran Haji Md. Tahir dari Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong melahirkan pendapat bahawa mengadakan Rumah Terbuka adalah bukanlah satu kemestian, namun ia mengikut kemampuan masing-masing dan jangan sampai membebankan diri kita.

Bagi Pengiran Abdul Aziz sendiri, beliau dan keluarga tidak ketinggalan untuk mengadakan Rumah Terbuka setiap tahun khusus untuk keluarga dan sahabat terdekat.

Menurutnya lagi, Hari Raya bertambah meriah dengan adanya Rumah Terbuka, iaitu sebagai salah satu budaya turun-temurun daripada orang yang terdahulu, di samping, ia dapat mengeratkan dan merapatkan lagi silaturahmi bersama ahli keluarga terutamanya bagi yang sudah lama tidak dijumpai.

Mengongsikan mengenai hidangan pula, Pengiran Abdul Aziz menjelaskan, sajian makanan yang selalu

dihidangkan bagi tetamu antaranya seperti daging rendang, ayam masak kari, laksa, kuih-muih dan bermacam-macam lagi.

"Selalunya, kami akan memasak sendiri segala juadah kerana ia akan lebih terasa kemeriahahan Hari Raya. Masakan pula ikut kemampuan sendiri dan memasak sendiri lebih meriah kerana dapat bekerjasama dengan anak-anak dan cucu berkumpul beramai-ramai," ujarnya.

Manakala bagi Dayang Nurmadiana binti Haji Tinggal dari Kampung Buang Sakar pula, Rumah Terbuka adalah satu kemestian bagi keluarganya kerana ia akan menambah kemeriahahan Hari Raya walaupun ia diadakan hanya sehari sahaja dalam Syawal.

Tambahnya, ia merupakan adat tradisi yang selalu dilakukan pada setiap tahun apabila menjelang Hari Raya Aidilfitri, yang mana keluarga beliau sendiri membuat rumah terbuka bagi kunjungan sanak saudara, sahabat handai dan jiran tetangga. Menurutnya, sajian yang wajib ada antaranya ialah nasi ayam, mi goreng, *finger foods* terutamanya bagi kanak-kanak, spageti dan Kek Tapak Kuda.

Dayang Nurmadiana menambah, pada kebiasaannya mengadakan Rumah Terbuka, beliau memilih untuk memasak sendiri hidangan kerana ia lebih jimat dan dapat menyediakan hidangan yang beraneka macam serta pilihan.

"Adat kunjung-mengunjungi tetap masih ada walaupun tiada jemputan Rumah Terbuka. Bagi kami, sesiapa pun yang ingin berkunjung ke rumah kami, memang secara automatik, rumah kami menjadi Rumah Terbuka buat tetamu yang datang. Istilah rumah terbuka bukannya fokus kepada hidangan

yang serba serbi mewah, tetapi rumah yang sentiasa memuliakan tetamunya yang datang," ujarnya menambah.

Sementara itu, Pengiran Aishah binti Pengiran Haji Hashim dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, menjelaskan Rumah Terbuka yang diadakan mengeratkan hubungan silaturahmi di antara ahli keluarga, adik-beradik, sanak saudara termasuk rakan-rakan sekerja.

Bagi keluarga beliau sendiri, mereka turut mengadakan Rumah Terbuka setiap tahun bagi menjemput tetamu-tetamu dekat mahupun jauh dan dibukakan bagi kunjungan bermula pagi hinggalah ke malam.

Mengongsikan mengenai hidangan pula, Pengiran Aishah menyatakan sajian masakan wajib yang selalu ada semasa Rumah Terbuka ialah lemas, ketupat, kelupis dan rendang, di mana hidangan berkenaan ada yang dimasak sendiri, ataupun melalui tempahan catering dan juga *live cook*.

Untuk itu, dalam kita bergembira kunjung mengunjungi dan ziarah-menziarahi ke rumah sanak saudara, apa yang perlu diambil perhatian ialah tentang adab semasa berhari raya.

Akhlah dan tingkah laku perlu



PENGIRAN Aishah binti Pengiran Haji Hashim dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba.

dijaga semasa berhari raya ke rumah sanak saudara, rakan dan taulan. Elakkan daripada bersikap bangga diri dan menunjuk-nunjuk dan apabila bercerita, sebaiknya jangan sampai berlebih-lebihan sehingga mengganggu tetamu yang lain.

Selain itu, adab ketika makan juga perlu dijaga dan janganlah makan secara berlebihan. Ambil apa yang awda rasa perlu sahaja dan perlu diingat bahawa ada lagi tetamu lain yang akan datang seterusnya, oleh itu *ubaya-ubayalah* ketika mengambil hidangan.



PENGIRAN Abdul Aziz bin Pengiran Haji Md. Tahir dari Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong (kiri), manakala gambar kanan, suasana Rumah Terbuka.



OPERASI KABAT : SEORANG WARGA ASING DITAHAN, DIDAKWA

PEMERIKSAAN telah dijalankan ke atas seorang warga Indonesia yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



BELAIT, Sabtu, 20 April. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait telah pun melaksanakan satu operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 51 / 2024 yang menyasarkan kepada Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh, Kuala Belait.

Pemeriksaan telah dijalankan ke atas seorang warga Indonesia iaitu Hellen Fransisca, berumur 43 tahun yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Hasil daripada siasatan, individu berkenaan telah pun dijatuhkan hukuman penjara selama enam minggu kerana gagal membayar denda sebanyak BND1,500 bagi kesalahan di bawah Bab 3(2) Akta Pasport, Penggal 146 iaitu cubaan untuk keluar dari negara ini tanpa melaporkan dan menghadapkan dokumen perjalanan kepada Pegawai Imigresen yang bertugas di Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh.

Pendakwaan telah pun dibuat di hadapan Majistret Abdul 'Azim bin Othman dan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Dayang Norhafizah binti Haji Mohammad. JIPK mengalu-alukan

orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Peka dengan keselamatan transaksi kewangan



TINGKATKAN kepekaan orang ramai tentang keselamatan transaksi kewangan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 18

Para pengguna internet juga disarankan untuk mengakses akaun melalui satu sambungan rangkaian peribadi yang selamat dan tidak menggunakan Wi-Fi di kawasan awam yang lebih terdedah kepada risiko penggodaman.

Sentiasa mengosongkan *cache*, *cookies* dan sejarah pelayar internet setelah selesai menjalankan urusan perbankan; pantau akaun awda sekerap mungkin, sentiasa periksa baki atau penyata akaun untuk memastikan tiada pengeluaran tanpa sah dan jika akaun bank telah dikompromi, bertindak pantas dan melaporkan kepada pihak bank atau hubungi pihak berkuasa dengan serta-merta.

Paling penting juga, jangan sesekali klik atau buka pada mana-mana pautan yang diterima sama ada melalui e-mel, SMS atau lain-lain platform media sosial yang mencurigakan dan pastikan juga program perisian antivirus atau *antimalware* yang berlesen ada dipasang pada alat-alat peranti anda dan sentiasa dikemas kini bagi mengesan sebarang pencerobohan atau penggodaman.

Bagi mendidik orang ramai tentang cara-cara untuk melindungi diri mereka daripada terjerat dalam penipuan perbankan atau mana-mana sebarang transaksi kewangan, pastikan aplikasi perbankan mudah alih dimuat turun dari bank atau institusi kewangan dan bukannya daripada pihak ketiga.

Seorang lelaki tempatan dipenjarakan akibat curi

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Gaza yang dimiliki oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat yang diletakkan di kawasan lobi.

Defendan telah mengambil kotak derma tersebut dengan menggunakan plastik besar bagi menutupnya dan membawa kotak tersebut ke dalam kereta defendan. Kemudian defendan memandu dan meletakkan keretanya di sekitar Stadium Negara Hassanah Bolkiah lalu mengambil satu pembuka tayar kereta dan memecahkan kunci kotak derma tersebut di mana menyebabkan kerosakan. Selepas mencuri wang di dalam kotak derma tersebut, defendan

memandu semula ke pejabat dengan kotak derma yang dicuri, memulangkan semula dengan baki wang dan meletakkannya di kedudukan asal. Selepas itu, defendan meninggalkan pejabat dan menggunakan wang sebanyak BND200 yang dicuri untuk membayar sebahagian daripada hutangnya.

Siasatan pihak polis mendedahkan bahawa pada 17 April 2024 seorang petugas keselamatan telah berjalan melalui kotak derma tersebut dan mendapati bahawa kunci dan bahagian atas kotak tersebut telah rosak.

Ini mendorong pihak

keselamatan memeriksa rakaman CCTV dan mendapati perbuatan defendan. Siasatan pihak polis telah dijalankan dan membawa kepada penahanan defendan.

Siasatan polis juga mendedahkan bahawa kos kerosakan dan kerja-kerja pembaikan untuk sumbangan kotak tersebut berjumlah BND140. Siasatan polis juga mendedahkan bahawa terdapat baki wang tunai berjumlah BND1,334.65 yang dipulangkan. Dalam rekod, defendan adalah pesalah kali pertama. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Zahidah Farhanah Abdul Aziz.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - Akibat mencuri wang di tempat kerja untuk melangsaikan hutang, seorang lelaki tempatan telah dihukum penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret, di sini.

Majistret Abdul 'Azim bin Othman menjatuhkan hukuman terhadap defendan, Pengiran Zulkefli bin Pengiran Haji Metussin berumur 46 tahun

yang bertugas sebagai Operator Telefon di Jabatan Pembangunan Masyarakat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pihak pendakwaan mendedahkan bahawa defendan melakukan kesalahan pada 4 April 2024, semasa defendan bekerja pada waktu syifnya dan telah mencuri wang di kotak derma yang ditetapkan untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di

Ugut cedera, bunuh : Lelaki tempatan dipenjarakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - Seorang lelaki tempatan dihadapkan ke Mahkamah Majistret hari ini atas kesalahan mengugut mencederakan termasuk mengugut bunuh terhadap teman wanitanya kerana mahu memutuskan perhubungan.

Pemangku Majistret Kanan Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman sembilan bulan penjara ke atas defendan, Mohammad Hamdillah

bin Omar Ali berumur 22 tahun.

Mengikut fakta kes, pada 14 April 2024, defendan pergi melawat teman wanitanya di rumahnya bagi mendapatkan telefon miliknya. Selepas defendan pulang ke rumahnya, defendan menghubungi pengadu melalui WhatsApp untuk bertanyakan mengapa dia kelihatan marah ketika dia mengambil telefonnya daripadanya awal malam itu.

Ketika itulah pengadu

memaklumkan defendan bahawa dia ingin memutuskan hubungannya dengannya kerana seorang lelaki lain telah mendekati pengadu untuk mengahwininya.

Ini menimbulkan kemarahan defendan menyebabkan dia menghantar beberapa mesej teks melalui WhatsApp kepada pengadu yang mengandungi mesej teks seolah-olah mengancam kecederaan kepada diri pengadu.

Akibat berasa cemas dan

terancam, pengadu terus membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan defendan. Semasa siasatan pihak polis, tangkapan skrin mesej teks yang mengandungi ancaman telah diperoleh.

Siasatan polis mendedahkan bahawa selain daripada mesej teks di atas, defendan juga telah mengugut untuk memuat naik video intim defendan dan pengadu. Semasa siasatan pihak polis,

defendan mengaku menghantar mesej teks ugutan kepada pengadu dengan niat untuk menimbulkan kebimbangan kepadanya. Dalam rekod, defendan tidak mempunyai sabitan terdahulu.

Pihak mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara bermula dari tarikh defendan ditangkap. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Firdaus bin Haji Mohammad.



Rumah Terbuka meriahkan suasana Aidilfitri

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

SYAWAL kini sudah tiba. Pastinya sepanjang Syawal, banyak jemputan untuk menghadiri Rumah Terbuka akan diterima. Rumah Terbuka atau sering kali disebut Open House biasanya akan diadakan oleh penduduk Negara Brunei Darussalam apabila menjelang Hari Raya Aidilfitri. Tradisi Rumah Terbuka ini bukanlah suatu kewajiban yang perlu dibuat, namun sudah menjadi kelaziman dalam masyarakat Melayu mengadakannya bagi meraikan tetamu, jiran tetangga, rakan serta keluarga yang datang dari jauh dan dekat untuk menjamu pelbagai hidangan yang telah disediakan.

Tradisi Rumah Terbuka adalah peluang untuk kita berjumpa dengan mereka yang ada sebahagiannya sudah lama tidak berjumpa. Inilah masanya untuk kita berkongsi cerita dan bertanya khabar mereka kerana di hari-hari biasa tidak akan ada peluang disebabkan sibuk dengan kerjaya dan urusan masing-masing. Ia secara tidak langsung menjadikan ikatan persahabatan yang erat, berkongsi setiap rezeki yang dimiliki sekali gus memberikan kegembiraan kepada orang lain. Hakikatnya, Rumah Terbuka masih merupakan medium terbaik kepada tetamu khususnya ahli keluarga baru mengenali generasi sebelumnya.

Tidak dinafikan, terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengenal jiran-jiran yang tinggal di sebelah kiri, kanan, depan dan belakang mereka. Ini mungkin disebabkan faktor kesibukan kerja, keterbatasan masa, komitmen dan sebagainya. Namun, ketika Hari Raya Aidilfitri inilah peluang yang sesuai untuk kita mengenali jiran melalui Rumah

Terbuka yang seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya.

Perbezaan Rumah Terbuka dulu, sekarang

Konsep Rumah Terbuka bukanlah suatu perkara yang baru dibuat oleh masyarakat kita. Dahulu, Rumah Terbuka hanyalah diadakan untuk keluarga terdekat dan dibuat secara kecil-kecilan di dalam rumah sahaja. Tuan rumah akan menyediakan hidangan yang dimasak sendiri dan tiada kad jemputan yang rasmi dibuat untuk menjemput para tetamu. Tidak seperti sekarang ini, juadah makanan dihidangkan daripada tempahan catering dan kad jemputan yang direka bentuk sendiri akan dikongsikan melalui WhatsApp. Setiap jemputan yang hadir akan diberikan jam-jam tertentu untuk hadir. Sebagai tetamu, kita perlu menghormati masa kunjungan yang ditetapkan oleh tuan rumah dan tidak sepatutnya mengunjungi hingga lewat malam.

Hidangan secara *live cook* juga kini semakin banyak ditempah. Rumah Terbuka bukan sahaja dibuat di dalam rumah malah kini tersedia kerusi meja yang disusun di kawasan luar rumah. Tidak ketinggalan, dekor dan *photobooth* juga direka untuk memeriahkan lagi Sambutan Aidilfitri. Di sini, nampak banyak perbezaan yang dibuat untuk Rumah Terbuka dulu dan sekarang mengikut perubahan zaman.

Jagalah tutur, bahasa

Rumah Terbuka bukan sahaja diadakan di rumah tetapi juga dilakukan oleh agensi swasta dan kerajaan seakan menjadi trend yang menjadikan suasana Hari

Raya lebih meriah dan dirasai. Namun, dalam kegembiraan kita haruslah masih mempraktikkan etika dan adab berhari raya terutama sekali dalam memuliakan tetamu dan berkunjung ke rumah orang. Etika juga merangkap menjaga hal kelakuan, adab dan apa sahaja perkataan yang keluar serta isu-isu yang dibincangkan. Jika sekiranya terdapat pasangan-pasangan yang belum dikurniakan zuriat ataupun belum bekerja, janganlah ditanyakan secara terang-terangan dan biarlah empunya diri yang memaklumkan dan berkongsi sekiranya mereka sudi. Hari Raya, hari yang mulia, jadinya kita haruslah mengelakkan diri dari memberi komen-komen negatif seperti bentuk saiz badan, warna kulit dan sebagainya kerana ini akan menimbulkan rasa malu kepada tetamu atau orang rumah.

Menghormati tuan rumah

Bila membuat Rumah Terbuka pula, para tetamu haruslah berpada-pada dalam mengambil makanan yang ada. Jangan diambil makanan secara berlebihan dan meninggalkan sisa-sisa yang ada secara tidak teratur. Jangan biarkan anak-anak kita bermain seperti rumah sendiri, mengambil juadah makanan yang banyak yang boleh membawa kepada pembaziran. Para tetamu juga tidak seharusnya menjelajah atau berjalan-jalan di ruang rumah yang lain tanpa izin tuan rumah. Kanak-kanak juga perlu dikawal supaya tidak berlari-lari di kawasan rumah dan tidak membuat bising.

Berbelanja mengikut kemampuan

Secara keseluruhannya, mengadakan Rumah Terbuka perlu berlandaskan

kemampuan diri kita. Janganlah membuat Rumah Terbuka ini secara berlebihan hingga terpaksa berhutang dan mengundang pembaziran. Perancangan kewangan dan perbelanjaan mestilah dirancang awal untuk mengelakkan daripada sikap berhutang atau meminjam. Sebaiknya, berbelanja sederhana dengan mengikut kemampuan kewangan masing-masing dan bukan sanggup berhutang kerana menjamu tetamu yang berkapasiti ramai. Berbalik kepada niat kenapa kita mengadakan Majlis Rumah Terbuka. Jika Rumah Terbuka ini diadakan sebagai satu keperluan, maka majlis hendaklah diadakan mengikut kemampuan kewangan yang kita ada. Jadilah individu yang bijak dalam merancang kewangan dan menerapkan sifat berjiwat cermat.

Selain itu, pengambilan makanan yang sihat juga perlu diambil kira. Nikmatilah juadah yang disediakan semasa Rumah Terbuka tanpa menjejaskan kesihatan. Makan secara sihat dan kawal pengambilan gula, lemak dan banyak minum air. Ini adalah untuk mengelakkan penyakit seperti obesiti dan diabetes.

Kita juga seharusnya merebut peluang di Hari Raya ini untuk mengeratkan silaturahmi dan meninggalkan tabiat buruk seperti menggunakan gajet ketika berkunjung kerana ia amat merugikan dan bercanggah dengan konsep asal rumah terbuka iaitu untuk saling kenal-mengenal, beramah mesra dan bukan untuk menyendiri atau membuat hal masing-masing. Ambillah kesempatan yang ada ini untuk mengeratkan hubungan yang renggang, bermaaf-maafan dan menghindari dari bermasam muka yang mungkin sedikit sebanyak akan mengganggu hubungan antara sesama manusia.



TINGKATKAN KEFAHAMAN PELAJAR KEPENTINGAN MAKANAN HALALAN THAYYIBAN



BENGKEL Sesi Pertama : Kesedaran Makanan Halal disampaikan oleh Dekan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. – Bengkel Pendidikan Kesedaran Makanan Halal anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, Nadi Al-Qawi Al-Amin dan Nadi Sahabat Halal dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan

Sharif Ali (UNISSA) diadakan bertempat di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHHB), baru-baru ini.

Lebih daripada 500 pelajar lelaki Sanah 7 dan Sanah 8 menyertai bengkel berkenaan.

Adapun antara objektif program berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep dan kepentingan

makanan yang Halalan Thayyiban, mengukuhkan amalan-amalan praktis pemilihan, pengendalian dan penyediaan makanan dan minuman dalam kalangan pelajar di sekolah dan memberi kesedaran kepada pelajar mengenai makanan halal sebagai kewajipan yang perlu dilakukan oleh seorang muslim yang bertakwa.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan.

Majlis dilanjutkan dengan Bengkel Sesi Pertama : Kesedaran Makanan Halal bersama para pelajar Sanah 7 dan Sanah 8 yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi.

Setelah itu, aktiviti bengkel melibatkan pelajar menjawab soalan dan kerja berpasukan serta pengisian *feedback survey* daripada pelajar Sanah 7 yang dikendalikan oleh mahasiswa dan mahasiswi Nadi Al-Qawi Al-Amin dan Nadi Sahabat Halal, KUPU SB.

Majlis diteruskan dengan ucapan dan penyampaian cenderamata kepada Pengetua Sekolah Arab SHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Md. Noor.

Rumusan bengkel disampaikan oleh Pengarah PPHT, UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Bengkel ditutup dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr beramai-ramai.



SEKITAR Bengkel Pendidikan Kesedaran Makanan Halal anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, Nadi Al-Qawi Al-Amin dan Nadi Sahabat Halal dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas dan bawah).



Backdrop ceriakan suasana Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - *Backdrop* atau latar belakang adalah salah satu trend terkini yang digunakan untuk bergambar secara individu atau beramai-ramai.

Backdrop yang dihiasi dengan pelbagai corak, bentuk dan warna tidak asing lagi dalam kalangan penggemar-penggemar fotografi malahan, ada juga yang menghiasinya dengan bahan-bahan kertas dan pelekat dinding *wallpaper*.

Sesetengah penggemar *backdrop* turut mempamerkan hiasan mengikut tema sambil menyediakan pelbagai *props* yang sangat unik, menarik dan kreatif.

Sehubungan dengan itu, Pelita

Brunei dalam pendekatan kali ini berpeluang menemu bual salah seorang pengusaha *backdrop* yang terletak di Kampung Menglait, Gadong.

Zella Bridal bermula pada tahun 2010 dan sehingga kini perkhidmatan *backdrop* masih lagi diusahakan oleh syarikat berkenaan.

Menurut Pengarah Zella Bridal, Dayang Aziah binti Husain, pada awalnya perusahaannya tidak mendapat sambutan yang memberangsangkan namun setelah mengikuti Ekspo Wedding Event yang diadakan di negara ini, Zella Bridal mula dikenali dan mendapat sambutan daripada orang ramai khususnya pelanggan-pelanggan

Zella Bridal.

Beliau juga mengongsikan Zella Bridal menawarkan pakej yang disediakan pada masa ini antaranya pelamin dewan dan rumah, *event decoration* termasuklah bagi acara *birthday party* dan *corporate event*.

Bukan itu sahaja, Zella Bridal banyak menerima tempahan bagi *corporate event* lebih-lebih lagi pada musim Hari Raya.

"Setelah satu minggu Hari Raya, kami mula membuat hiasan bagi acara majlis perkahwinan dan pernikahan" ujarinya lagi.

Dalam pada itu, Zella Bridal menyarankan agar para pelanggannya datang ke pejabat mereka untuk membuat tempahan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

dan berbincang mengenai tema yang akan dibuat.

Orang ramai yang berkeinginan dan berhasrat untuk membuat tempahan untuk mengunjungi

ke No.6, Simpang 93, Kampung Menglait, Jalan Gadong atau menghubungi Zella Bridal menerusi talian +673 732 2722 bagi sebarang pertanyaan yang lebih lanjut.



SESETENGAH penggemar *backdrop* turut mempamerkan hiasan mengikut tema sambil menyediakan pelbagai *props* yang sangat unik, menarik dan kreatif.





MALAYSIA, THAILAND TINGKATKAN KERJASAMA PERANGI JENAYAH RENTAS SEMPADAN

BANGKOK, 20 April. - Malaysia dan Thailand bersetuju mempertingkatkan kerjasama untuk membanteras jenayah rentas sempadan, isu pemerdagangan manusia dan penipuan pekerjaan, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Kerjasama itu telah dibincangkan ketika mesyuarat dua hala beliau dengan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri Thailand Anutin Charnvirakul pada Khamis.

"Kami berdua bersetuju bahawa kerjasama antara kerajaan (G2G), antara polis dan Aseanapol penting dalam memerangi masalah-masalah tersebut," katanya kepada Bernama.

Saifuddin juga menekankan

keperluan untuk usaha bersama dalam pencegahan jenayah siber dan cadangan pengecualian visa kepada pelawat asing untuk meningkatkan ketibaan pelancong ke Thailand khususnya di kawasan yang bersempadan dengan Malaysia.

Selain itu, Saifuddin berkata beliau amat berpuas hati dengan hasil lawatan kerjanya di Bangkok yang berakhir Jumaat kerana komitmen antara G2G itu terus berjalan dengan kukuh.

Beliau berkata rakan sejawatnya Anutin turut menegaskan kesediaan Thailand untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam menangani jenayah transnasional dan mempromosikan pelancongan.

"Anutin menyebut bahawa Kerajaan Thailand juga melaksanakan dasar pengecualian visa (pelawat asing) untuk

meningkatkan pertukaran pelancong antara kedua-dua negara.

"Anutin turut menyatakan komitmen untuk memperdalamkan kerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai dimensi, termasuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di rantau ini. Pertemuan itu menandakan satu langkah penting dalam mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara," katanya.

Terdahulu, Saifuddin yang mengadakan lawatan kerja ke Thailand sejak Khamis, turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan Menteri Pembangunan Sosial dan Keselamatan Manusia Varawut Silpa-archa.

Dalam pertemuan dengan Varawut, Saifuddin berkata mereka telah membincangkan topik berhubung penahanan imigresen dan perlindungan kanak-kanak yang mana Malaysia mempunyai 20 depot imigresen dengan

penghuni seramai 13,000 orang dan keupayaan depot imigresen boleh menampung lebih kurang 25,000 orang.

Beliau berkata Thailand mempunyai beberapa program alternatif penahanan yang agak ke depan, khususnya untuk kanak-kanak dengan melibatkan kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan juga komuniti setempat.

"Di Malaysia, kita hanya ada satu program rumah perlindungan yang diwujudkan oleh kerajaan dan dinamakan Baitul Mahabbah iaitu satu di Nilai dan satu di Papar manakala dalam perancangan untuk mewujudkan empat lagi masing-masing di Sabah, Kelantan, Kedah dan Johor," katanya.

Beliau berkata ini merupakan satu pengalaman baharu mengenai pendekatan Thailand terhadap program alternatif penahanan yang boleh diterokai oleh Malaysia.

"Program alternatif penahanan untuk kanak-kanak ini dalam sejajar dengan konteks Malaysia MADANI di mana kita perlu ada sifat ehsan terhadap kelompok mereka yang masuk dan melanggar undang-undang Akta Imigresen," katanya.

Sementara itu, Saifuddin berkata pertemuannya dengan pihak UNICEF semalam juga telah mendedahkan beliau dengan penggunaan "National Screening Mechanism" dan "National Referral Mechanism".

Beliau berkata pihak Kementerian Dalam Negeri berminat untuk mendalami kedua-dua mekanisme itu supaya proses saringan akan menjadi lebih kompeten.

"Kita akan pelajari kedua mekanisme itu supaya cara menguruskan atau cara menangani kemasukkan kelompok pendatang tanpa izin ataupun kelompok pelarian ini akan menjadi lebih kemas dan lebih teratur," katanya. - ©BERNAMA

Thailand sambut ketibaan lebih 10 juta pelancong asing dan jana perolehan 518 bilion baht

BANGKOK, 20 April. - Thailand menyambut ketibaan 10.72 juta pelancong asing termasuk 1.39 juta dari Malaysia yang menjana perolehan pelancongan sebanyak 518 bilion baht (RM67.18 bilion) setakat ini.

Perangkaan Kementerian Pelancongan dan Sukan menunjukkan dari 1 Januari hingga 14 April, pelancong China merupakan kelompok lima teratas pelancong asing ke negara ini dengan lebih dua juta orang, diikuti Malaysia, Rusia (695,624), Korea Selatan (619,186) dan India (546,935).

Menteri Pelancongan dan Sukan, Sudawan Wangsuphakijkosol berkata sejumlah 735,802 pelancong asing berkunjung ke Thailand dari 8 ke 14 April atau secara puratanya 105,115 pelawat berkunjung ke Thailand sehari.

"Angka pelancong asing dijangka terus meningkat kerana beberapa faktor termasuk penghujung Ramadan, yang ramai menjangka akan menyaksikan peningkatan pelancong dari Malaysia selain perjanjian visa-percuma dengan beberapa negara," katanya.

Thailand menyasarkan untuk menarik 40 juta pelancong asing tahun ini, bersamaan dengan angka prapandemik yang dicatatkan dalam 2019.

Ia juga mengunjurkan perolehan sebanyak tiga trilion baht daripada pelancong tempatan dan asing menjelang hujung tahun ini.

- ©BERNAMA

Hampir 100 maut di Pakistan ekoran hujan lebat dan banjir kilat

ISLAMABAD, 20 April. - Hampir 100 orang maut dan ramai yang cedera dalam insiden seminggu lepas berikutan hujan lebat dan banjir yang melanda bahagian barat laut dan barat daya Pakistan.

Menurut Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana Nasional (NDMA), hujan lebat mengakibatkan banjir kilat di Khyber Pakhtunkhwa (KP), Balochistan dan Wilayah Punjab serta Jammu dan Kashmir di bawah pentadbiran Pakistan, lapor Agensi Anadolu.

Setakat ini, 98 maut dan 89 lagi cedera di dalam kawasan ini akibat struktur bangunan yang runtuh, menurut laporan terkini NDMA.

Kira-kira 3,261 kediaman rosak dengan 536 daripadanya musnah sepenuhnya.

Banjir besar dan tanah runtuh juga mengakibatkan kerosakan jalan raya dan jambatan di KP dan Balochistan.

Dalam satu kenyataan berasingan, NDMA mengeluarkan amaran hujan akan berterusan sehingga 22 April dengan potensi untuk banjir di Wilayah Balochistan dan KP.

"Jangkaan jumlah hujan mampu mencetuskan banjir kilat di saluran air beberapa wilayah termasuk Khuzdar, Ziarat, Zhob, Sherani, Muslim Bagh, Quetta, Pishin, Kech, Panjgur, Gwadar, dan Turbat," katanya.

NDMA juga meramalkan hujan lebat dari 25 hingga 29 April dan menggesa orang awam untuk menjauhi infrastruktur yang lemah strukturnya dan tidak memandu atau melalui laluan air. - ©BERNAMA

BAGAN SERAI, 20 April. - Sebanyak 1.5 juta ekor ikan kelisa pelbagai spesies bernilai RM78 juta, berjaya dieksport ke luar negara sepanjang tahun 2023, kata Ketua Pengarah Jabatan Perikanan (DOF), Datuk Adnan Hussain.

Beliau berkata bagi meningkatkan jumlah tersebut, pihaknya akan

membantu para pengusaha ikan tersebut untuk mendapatkan permit Konvensyen Mengenai Perdagangan Antarabangsa bagi Spesies Terancam (CITES) yang berperanan dalam memudahkan mereka mengeksport ikan spesies itu keluar negara.

"Antara jenis yang dieksport melibatkan ikan kelisa jenis hibrid,

merah, emas, albino dan sebagainya. Permintaan tinggi kita peroleh dari China, Taiwan, Hong Kong dan Jepun.

"Bagi memastikan pengeksportan itu meningkat, kita komited membantu para pengusaha mendapatkan permit CITES namun mereka perlu mengikut garis panduan ditetapkan terutama melibatkan aspek pengurusan," katanya pada Program Ramah Mesra Santai bersama Pihak Berkepentingan Santuari Ikan Kelisa Bukit Merah di sini, hari ini.

Terdahulu, pada program itu, 100 ekor induk ikan kelisa emas bernilai RM150,000 dilepaskan ke dalam

Tasik Bukit Merah.

Adnan berkata buat masa ini Perak juga masih mengekalkan status sebagai negeri pengeluar terbesar ikan kelisa emas, untuk pasaran dalam dan luar negara.

"Selain Perak, Johor, Melaka dan Selangor. Jadi keempat-empat negeri ini sahaja yang aktif serta menghasilkan pengeluaran dalam skala besar untuk tujuan pasaran," katanya.

Dalam pada itu, Adnan berkata pihaknya sedang meneliti dan membuat penilaian terhadap Pelan Pengurusan Ikan Kelisa Emas Tasik Bukit Merah, agar ia lebih

relevan selain melindungi populasi spesies berkenaan di kawasan tersebut.

"DOF di peringkat negeri juga telah mengambil inisiatif menyenaraikan serta memasukkan terma santuari dan spesies ikan kelisa emas sebagai ikan yang dilindungi di bawah Kaedah-kaedah Perikanan (Sungai) Negeri Perak 1992.

"Kaedah tersebut turut menyentuh berkenaan kawalan penangkapan ikan kelisa emas di perairan umum dengan mengehadkan saiz maksimum 15 sentimeter (cm) sahaja yang boleh ditangkap," katanya. - ©BERNAMA

Mesir dan rakan usaha dapatkan gencatan senjata di Gaza, kata Menteri Luar

JOHANNESBURG, 20 April. - Mesir sedang berusaha mendapatkan satu gencatan senjata di Semenanjung Gaza dengan sokongan Amerika Syarikat (AS) dan Qatar, kata Menteri Luar Mesir Sameh Shoukry pada Jumaat.

"Kedua-dua Hamas dan Israel perlu menunjukkan kemahuan politik, kebertanggungjawaban untuk mencapai satu gencatan senjata dan melindungi orang awam," lapor Agensi Anadolu yang memetik Shoukry yang memberitahu stesen penyiaran kerajaan SABC di Pretoria

selepas perbincangan dua hala dengan rakan sejawatnya dari Afrika Selatan Naledi Pandor.

Mesir, Qatar dan AS sedang merundingkan satu gencatan senjata dan menghentikan serangan Israel di Semenanjung Gaza sejak Oktober lepas.

"Penting untuk meneruskan fokus ke atas kehidupan dan keselamatan rakyat Palestin. Lebih 33,000, orang maut dengan 20,000 daripadanya wanita dan kanak-kanak. Ia sangat dahsyat dan perlu dihentikan. Kami perlu mencapai gencatan senjata

dan mengembalikan tawanan," katanya.

Shoukry berkata terdapat keperluan untuk membekalkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza dan perpindahan penduduk secara paksa merupakan satu jenayah perang.

"Kita mesti mendapatkan kembali keselamatan dan keamanan serta ruang lingkup politik untuk mendapatkan hak rakyat Palestin dan mewujudkan sebuah negara untuk mereka dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya," kata Shoukry. - ©BERNAMA

RM1.4 juta kompaun kesalahan merokok dikeluarkan sepanjang Mac - KKM

PUTRAJAYA, 20 April. - Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan 5,549 kompaun dengan nilai tawaran berjumlah RM1.4 juta susulan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata jumlah kompaun itu merupakan hasil aktiviti penguatkuasaan kementerian terhadap 18,178 premis yang dilawati sepanjang Mac lepas dengan sejumlah 8,926 notis kesalahan dikeluarkan.

"Melalui tindakan penguatkuasaan

Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi, sebanyak 3,816 tawaran kompaun bernilai RM1.91 juta telah dikeluarkan dengan purata RM500 setiap kompaun," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dr. Muhammad Radzi berkata 642 kes telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan sebanyak 95 kes telah disabitkan kesalahan di mahkamah dengan jumlah denda RM180,600.

Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Makanan 1983 pula, Dr.

Muhammad Radzi berkata sebanyak 33,473 premis makanan telah diperiksa.

"Jumlah premis makanan yang diberi perintah penutupan sementara di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 ialah 124 iaitu 0.37 peratus daripada keseluruhan premis makanan yang diperiksa," katanya.

Beliau berkata tindakan penutupan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan oleh KKM adalah sebagai suatu langkah menjamin kebersihan premis serta makanan yang dihidangkan. - ©BERNAMA

1.5 juta ekor kelisa bernilai RM78 juta dieksport pada 2023 - DOF

merah, emas, albino dan sebagainya. Permintaan tinggi kita peroleh dari China, Taiwan, Hong Kong dan Jepun.

"Bagi memastikan pengeksportan itu meningkat, kita komited membantu para pengusaha mendapatkan permit CITES namun mereka perlu mengikut garis panduan ditetapkan terutama melibatkan aspek pengurusan," katanya pada Program Ramah Mesra Santai bersama Pihak Berkepentingan Santuari Ikan Kelisa Bukit Merah di sini, hari ini.

Terdahulu, pada program itu, 100 ekor induk ikan kelisa emas bernilai RM150,000 dilepaskan ke dalam

Tasik Bukit Merah.

Adnan berkata buat masa ini Perak juga masih mengekalkan status sebagai negeri pengeluar terbesar ikan kelisa emas, untuk pasaran dalam dan luar negara.

"Selain Perak, Johor, Melaka dan Selangor. Jadi keempat-empat negeri ini sahaja yang aktif serta menghasilkan pengeluaran dalam skala besar untuk tujuan pasaran," katanya.

Dalam pada itu, Adnan berkata pihaknya sedang meneliti dan membuat penilaian terhadap Pelan Pengurusan Ikan Kelisa Emas Tasik Bukit Merah, agar ia lebih

relevan selain melindungi populasi spesies berkenaan di kawasan tersebut.

"DOF di peringkat negeri juga telah mengambil inisiatif menyenaraikan serta memasukkan terma santuari dan spesies ikan kelisa emas sebagai ikan yang dilindungi di bawah Kaedah-kaedah Perikanan (Sungai) Negeri Perak 1992.

"Kaedah tersebut turut menyentuh berkenaan kawalan penangkapan ikan kelisa emas di perairan umum dengan mengehadkan saiz maksimum 15 sentimeter (cm) sahaja yang boleh ditangkap," katanya. - ©BERNAMA

TAHUN MELAWAT JOHOR 2026 : PENERBANGAN TERUS DARI DAEGU, KUNMING DAN TAICHUNG DIBINCANG



JOHOR BAHRU, 21 April. - Cadangan menambah laluan penerbangan dari Daegu, Korea Selatan; Taichung, Taiwan dan Kunming, China sedang dibincang dalam usaha merencanakan lagi sektor pelancongan sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Pengarah Tourism Johor Sharil Nizam Abdul Rahim berkata perkara itu sedang diteliti bersama oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Tourism Malaysia, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar

(IRDA) serta Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS).

"Kesemua cadangan penerbangan terus ke Johor ini akan dibentang kepada kerajaan negeri setelah maklumat berkaitan perancangan ini diterima daripada semua pihak yang terlibat," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada Tourism Johor mempunyai perancangan menambah laluan penerbangan antarabangsa sebagai persediaan Tahun Melawat Johor 2026.

Sharil Nizam berkata usaha itu

juga antara lain adalah bagi menarik semula pelancong dari negara terbabit terutama Daegu dan bandar berdekatan seperti Busan di Korea Selatan yang sebelum ini sering menjadikan Johor sebagai destinasi pilihan sebelum pandemik COVID-19 melanda.

"Sebelum COVID-19, memang banyak pelancong dari Korea Selatan datang ke Johor dengan menggunakan Jin Air tetapi apabila COVID-19 melanda, ia terhenti sehingga sekarang.

"Oleh itu, kita sedang berusaha untuk menarik kedatangan

mereka memandangkan di Johor juga terdapat komuniti dari Korea Selatan," katanya.

Beliau berkata usaha mempromosi Johor harus dilakukan secara berterusan kerana negeri itu mempunyai pelbagai produk pelancongan menarik yang perlu diketengah.

LTAS adalah antara lapangan terbang tersibuk di Malaysia dengan 17 destinasi yang

menghubungkan bandar domestik dan lima antarabangsa iaitu Jakarta, Surabaya, Bangkok, Ho Chi Minh City dan Canton.

Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi sebelum ini berkata kerajaan negeri menasakatkan kedatangan 12 juta pelancong domestik dan antarabangsa sempena Tahun Melawat Johor 2026. - ©BERNAMA

Malaysia perlu masa untuk teliti cadangan visa bersama enam negara ASEAN

BANGKOK, 21 April. - Malaysia memerlukan lebih masa untuk meneliti cadangan Thailand mengenai program visa bersama dengan enam negara ASEAN lain untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke rantau ini.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata cadangan itu masih di peringkat awal perbincangan dan Malaysia perlu mendapatkan lebih maklumat mengenainya.

Beliau berkata Thailand ingin mendapatkan peluang yang bakal hadir daripada gabungan enam negara ASEAN yang mempunyai potensi dalam

pelancongan dan ekonomi.

"Tapi Malaysia sentiasa mencari keseimbangan dari aspek potensi ekonomi dan kepentingan mempertahankan isu keselamatan kepada Bernama baru-baru ini.

Perdana Menteri Thailand Srettha Thavisin sebelum ini mencadangkan inisiatif visa jenis "Schengen" atau bersama dengan Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar dan Vietnam bagi merencanakan lagi industri pelancongan di keenam-enam negara itu yang menerima ketibaan pelancong asing berjumlah 70 juta orang pada tahun 2023.

Dalam perkembangan lain,

Saifuddin berkata pihaknya sedang membuat beberapa cadangan kepada China supaya memanjangkan visa pelancong bagi rakyat Malaysia kepada 30 hari daripada 15 hari sekarang.

Katanya, cadangan itu akan diusulkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terlebih dahulu untuk persetujuan.

Sejak 1 Dis lepas, Malaysia telah melaksanakan pengecualian visa selama 30 hari kepada rakyat China, manakala Kerajaan China juga telah memberi pengecualian visa selama 15 hari untuk pengembara dari Malaysia. - ©BERNAMA

Bas ekspres terbakar : 16 terselamat

IPOH, 21 April. - Seramai 16 individu berdepan detik cemas apabila bas ekspres yang dinaiki terbakar, di KM242.3 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah utara, tengah malam tadi.

Komander Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pegawai Bomba Kanan II Mohd Fawwaz Abdul Jamil berkata pihaknya mengerahkan anggota dan jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Kangsar dan Meru Raya ke lokasi, sebaik menerima panggilan pada kira-kira pukul 12.01 tengah malam.

"Dalam kejadian itu, sebuah bas ekspres telah terbakar dianggarkan sehingga 80 peratus.

"Kesemua 16 orang termasuk pemandu di dalam bas tersebut terselamat dan mereka telah dipindahkan ke bas yang lain sewaktu pasukan bomba tiba di lokasi kejadian," katanya dalam kenyataan menerusi laman sosial facebook JBPM hari ini.

Mohd Fawwaz berkata pasukan bomba telah berjaya mengawal kebakaran pada pukul 12.51 tengah malam dan selesai

Seorang maut, 7 hilang selepas 2 helikopter tentera Jepun terhempas

MOSCOW, 21 April. - Seorang maut dan tujuh lagi hilang selepas dua helikopter tentera terhempas di Jepun, lapor Sputnik.

Agensi Berita Kyodo melaporkan pada Ahad, memetik Menteri Pertahanan Jepun Minoru Kihara yang berkata bahawa nahas itu mungkin disebabkan pelanggaran antara kedua-dua helikopter SH-60K, yang setiap satunya membawa empat kru semasa latihan antikapal selam pada waktu malam di kawasan Pulau Tori-shima di Lautan Pasifik.

Tentera telah menemukan apa yang dipercayai serpihan helikopter itu semasa pencarian pasca nahas, sambil menambah punca kemalangan masih tidak diketahui.

Terdahulu, Kementerian Pertahanan Jepun berkata helikopter SH-60K itu berhenti berhubung ketika berada dalam kawasan Pulau Tori-shima berhampiran Pulau Izu dan seminit kemudian helikopter itu menghantar isyarat kecemasan. Kira-kira setengah jam kemudian, sebuah lagi helikopter sama berhenti berhubung semasa berada di kawasan berkenaan, kata kementerian itu. - ©BERNAMA

AS : Dua maut, enam cedera dalam kejadian tembakan di Memphis

MOSCOW, 21 April. - Sekurang-kurangnya dua orang maut dan enam lagi cedera dalam kejadian tembakan di sebuah parti di Memphis, Tennessee, lapor Sputnik yang memetik Jabatan Polis Memphis, pada Ahad.

"Pada 7.19 malam (Sabtu, 00:00 GMT pada Ahad) , pegawai bergegas ke Blok 2400 Lebuhr Carnes mengenai tembakan. Pegawai menemukan lima mangsa dengan luka tembakan di lokasi, tiga daripada mereka dihantar ke hospital dalam keadaan kritikal, dan dua lelaki sudah meninggal dunia," kata polis di laman X.

Sejumlah enam orang cedera dalam kejadian tembakan itu dengan seorang daripada mereka masih dalam keadaan kritikal, kata polis. Insiden itu berlaku dalam sebuah parti blok yang tidak mempunyai permit, kata polis sambil menambah antara 200 hingga 300 orang menghadiri parti itu. - ©BERNAMA

Orang ramai diingatkan tidak simpan stok beras dalam kuantiti besar

KUALA SELANGOR, 21 April. - Semua pihak termasuk orang awam diingatkan untuk tidak menyimpan stok beras dalam kuantiti yang besar bagi mengelakkan berlakunya pembaziran bekalan makanan ruji itu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata bagi stok yang disimpan bagi tujuan

sumbangan dan sebagainya pula, ia perlu diagihkan segera.

"Jika ada sedekahlah (stok beras) berikan kepada mereka yang memerlukan," katanya ringkas kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor di sini hari ini.

Sebelum ini, tular satu rakaman memaparkan puluhan kampit

beras, tepung dan sardin dibuang di tapak pelupusan sampah berdekatan laluan pintasan Rumpun Makmur, Kampung Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.

Video itu menjadi perhatian apabila ia dimuat naik oleh beberapa pengguna media sosial di Facebook dan TikTok yang kebetulan menggunakan jalan

berkenaan.

Mohamad menerusi hantaran di Facebook rasminya pada 19 April lepas berkata Kawalselia Padi dan Beras telah diarahkan untuk menyalut kejadian itu.

Pada masa sama, Mohamad mengingatkan orang ramai supaya berpada-pada dan mengelakkan pembaziran makanan ketika musim perayaan Aidilfitri ini,

susulan dapatan daripada konsesi pembersihan Alam Flora mendapati 40 peratus daripada sisa buangan adalah makanan.

"Sisa-sisa buangan makanan ketika bulan Ramadan pula boleh mencapai sehingga 12,000 tan sehari, jadi elakkanlah pembaziran dan bekalan pun tak akan berkurangan," katanya. - ©BERNAMA



PIALA ASIA B-23 : PELUANG HARIMAU MUDA KE SUKU AKHIR SEMAKIN PUDAR

KUALA LUMPUR, 20 April. - Peluang skuad Bawah 23 Tahun (B-23) negara melangkah ke suku akhir Piala Asia B-23 2024 semakin pudar selepas tewas buat kali kedua berturut-turut dalam saingan Kumpulan D apabila tumbang 0-2 kepada Vietnam di Stadium Antarabangsa Khalifa, Doha di Qatar, malam ini.

Dua kekalahan itu selepas tewas 0-2 kepada Uzbekistan pada perlawanan pembukaan menyaksikan skuad Harimau Muda semakin sukar meneruskan kempen memandangkan nasib mereka bergantung kepada keputusan pasukan lain selain perbezaan jaringan besar.

Skuad negara kini berada di tangga tercorot Kumpulan D tanpa sebarang mata manakala Vietnam di tangga teratas dengan enam mata manakala Uzbekistan di tangga kedua dengan tiga mata sementara mendahului Kuwait 1-0 dalam

satu lagi aksi di Stadium Al-Janoub.

Skuad bimbingan Juan Torres Garrido menghantar amaran seawal minit ketiga menerusi percubaan leret Fergus Tierney namun tersasar di bahagian kanan pintu gol Vietnam, sebelum Malaysia dilayangkan kad kuning pertama pada minit ke-12 apabila terdapat sentuhan badan antara Muhammad Khalil dan Nguyen Van Truong.

Walaupun terus memberikan asakan bertali arus ke kubu Vietnam namun Muhammad Najmudin Akmal mensia-siakan peluang membuka jaringan pada minit ke-21 selepas percubaannya melambung tinggi meskipun penjaga gawang, Quan Van Chuan sudah terkeuar daripada kawasanya.

Selain kesilapan Muhammad Ubaidullah Shamsul Fazili berbalas tarikan baju bersama Vo Nguyen Hoang tidak sepatutnya berlaku apabila ia

menghadiahkan sepakan percuma buat pasukan Vietnam yang dimanfaatkan dengan tenang oleh Khuat Van Khang pada minit ke-39.

Bersambung babak kedua, pertukaran dilakukan Juan Torres hampir menunjukkan perubahan positif namun tidak dinafikan anak buah Hoang Anh Tuan lebih mendominasi permainan.

Episod sama terus 'menghantui' Harimau Muda apabila mereka terus 'bermurah hati' melakukan kesilapan dengan Muhammad Ubaidullah kali ini menjatuhkan Bui Vi Hao pada minit ke-58, sebelum peluang itu disempurnakan Vo Hoang Minh Khoa dua minit kemudian (60') menerusi sepakan penalti.

Harimau Muda seterusnya akan melengkapkan saingan kumpulan dengan menentang Kuwait di Stadium Al-Janoub sementara Uzbekistan akan berdepan

Vietnam di Stadium Antarabangsa Khalifa, Selasa ini.

Malaysia yang pernah mara sehingga ke peringkat suku akhir pada edisi 2018 menyasarkan untuk menyamai pencapaian itu pada kempen kali ini.

Hanya dua pasukan teratas setiap kumpulan layak ke suku akhir dan berpeluang meneruskan cabaran merebut tiga slot automatik ke Sukan Olimpik Paris 2024 manakala pasukan keempat terbaik kejohanan akan bermain perlawanan play-off bertemu Guinea di Paris, Mei ini.

Sementara itu, Juan Torres berkata dua kekalahan tersebut tidak akan melunturkan semangat anak buahnya untuk meneruskan saingan hingga ke akhir kempen tersebut.

Bagaimanapun beliau menjanjikan pasukan negara akan lebih bersedia menghadapi Kuwait. - ©BERNAMA

Para SUKMA 2024 : MPM sasar sifat masalah klasifikasi

KUALA LUMPUR, 21 April. - Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) berhasrat untuk membasmi masalah klasifikasi bagi atlet paralimpik pada temasya Para Sukan Malaysia (SUKMA) 2024, 20 hingga 29 Sept ini di Kuching, Sarawak.

Presiden MPM Datuk Seri Megat D. Shahriman Zaharudin berkata hal itu bertujuan mengelakkan atlet tidak dapat bertanding di temasya tersebut kerana masalah klasifikasi.

"Kita menyasarkan sifar masalah klasifikasi semasa di Kuching kerana kita mahu pastikan semasa temasya berlangsung, tiada atlet yang tidak kesampaian untuk bertanding, jadi kita mahu semua atlet untuk melakukan klasifikasi di negeri masing-masing mengikut segala prosedur dan klasifikasi yang ditetapkan oleh ketua klasifikasi setiap negeri.

"Kita tidak mahu membazir masa dan wang dan kita nak pastikan hanya atlet yang layak sahaja untuk pergi (Para SUKMA 2024)," katanya selepas merasmikan majlis penutup Kursus Klasifikasi Kebangsaan MPM di sebuah hotel di sini hari ini.

Beliau menambah proses klasifikasi tersebut dapat menaikkan martabat

Sukan Para SUKMA seperti temasya sukan antarabangsa yang lain iaitu tiada klasifikasi dibuat semasa temasya berlangsung.

Sementara itu, seramai 139 peserta dari semua negeri menyertai Kursus Klasifikasi Kebangsaan MPM selama tiga hari bermula Jumaat lepas.

Setiausaha Agung MPM Datuk R. Subramaniam yang juga Pengerusi Jawatankuasa Klasifikasi Para SUKMA berkata kursus itu bagi melatih peserta dalam proses klasifikasi bagi memudahkan proses tersebut dijalankan di negeri masing-masing sebelum temasya Sukan Para SUKMA 2024 bermula.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) berkata tiada masalah sekiranya atlet tersebut mahu mewakili negeri selain negeri kelahiran mereka.

"Jika dia nak wakil negeri lain tiada isu, yang penting klasifikasi telah dibuat untuk kurangkan risiko berlaku kesilapan. Jika atlet telah melaksanakan klasifikasi di peringkat negeri, bermakna yang datang ke Sarawak itu memang boleh bertanding (Sukan Para SUKMA)," katanya. - ©BERNAMA

Kilat Boy jangkakan pertembungan sengit berdepan Wannawong

KUCHING, 20 April. - Jaguh tinju Asia, Daeloniel McDelon Bong menjangkakan pertarungan sengit apabila berdepan Yuttichai Wannawong dari Thailand bagi merebut tali pinggang Super Bantamweight Kejohanan Tinju Dunia (WBC) pada 11 Mei ini.

Walaupun beraksi di Stadium Tertutup di sini yang juga merupakan gelanggang sendiri, namun McDelon yang terkenal dengan julukan Kilat Boy berkata beliau perlu berwaspada dengan lawannya yang bukan calang-calang.

"(Wannawong) mempunyai banyak pengalaman dan beliau lebih tinggi berbanding saya tapi saya bersama pasukan telah memikirkan taktik untuk berdepan dengannya. Ia sudah pasti sengit," kata petinju kelahiran Sarawak berusia 25 tahun itu kepada pemberita selepas menjalani latihan di sini

hari ini.

Pertembungan akan datang merupakan yang ke-11 sejak bergelar profesional pada 2016 dan beliau telah mendapatkan khidmat jurulatih tinju profesional Filipina, Reynaldo Inocian bagi menghadapi perlawanan berkenaan.

Beliau berkata sejak tiba di sini minggu lepas, Inocian, 56, yang merupakan ahli pasukan latihan bekas juara tinju dunia, Manny Pacquiao, telah menyediakan program latihan yang agak keras sebagai persediaan untuknya menghadapi jaguh dari Thailand itu.

"Setelah lima hari menjalani latihan di bawah Inocian, saya rasa stamina, kecergasan dan taktik telah meningkat tapi saya akan perbaiki lagi dari semasa ke semasa sehingga hari pertandingan," katanya. - ©BERNAMA